

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan  
Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi

**Negeri Sembilan**

Tahun 2011

Jabatan Audit Negara  
Malaysia



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan  
Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi

**NEGERI SEMBILAN**

Tahun 2011



# Kandungan

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xiii
<b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011</b>	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011	4
<b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	9
Akaun Hasil Disatukan	14
Akaun Pinjaman Disatukan	21
Akaun Amanah Disatukan	22
Prestasi Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	32
Penyata Prestasi Kewangan	33
Penyata Akaun Memorandum	34
Rumusan Dan Syor Audit	43
<b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	47
Rumusan	50
<b>BAHAGIAN IV PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	53
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	53
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	54
Objektif Pengauditan	55
Skop Dan Metodologi Pengauditan	55
Kawalan Utama	56
Penemuan Audit	67

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Pemeriksaan Audit Mengejut	72
Penemuan Audit	73
Syor Audit	75
<b>BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	79
Pengauditan Penyata Kewangan	79
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	80
Pengesahan Penyata Kewangan	80
Pembentangan Penyata Kewangan	81
Prestasi Kewangan	82
Rumusan Dan Syor Audit	85
<b>BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI</b>	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	89
Kerajaan Negeri	89
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	89
<b>PENUTUP</b>	<b>93</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
I Sijil Ketua Audit Negara	97
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	98
III Penyata Kedudukan Kewangan	99
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	100
V Penyata Prestasi Kewangan	101
VI Penyata Akaun Memorandum	102
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	103



# Kata Pendahuluan

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan ini dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan akan menitahkan Laporan ini untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

**1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan** - Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2011 adalah tahun kelima pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. AI diberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, budaya "**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**" bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2011 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2011. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2011, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Kewangan Negeri.

3. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2011 mengandungi perkara berikut:

- |                     |   |
|---------------------|---|
| <b>Bahagian I</b>   | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011     |
| <b>Bahagian II</b>  | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri   |
| <b>Bahagian III</b> | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri   |
| <b>Bahagian IV</b>  | - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri  |
| <b>Bahagian V</b>   | - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri     |
| <b>Bahagian VI</b>  | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri |

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri.

5. Pada pendapat saya, pencapaian kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan boleh ditingkatkan lagi dengan memberi tumpuan terhadap peningkatan hasil dengan mengenal pasti sumber-sumber baru dan mengurangkan tunggakan hasil. Selain itu saya juga ingin menggesa Kerajaan Negeri supaya memantapkan Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan dan Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan inventori sebagai persediaan awal ke arah dasar Kerajaan Persekutuan melaksanakan **Perakaunan Terakru** bermula tahun 2015. Pelaksanaan dasar Perakaunan Terakru ini menghendaki nilai semua aset kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
17 Mei 2012



# Intisari Laporan

# **INTISARI LAPORAN**

## **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 31 DISEMBER 2011 KERAJAAN BERAKHIR**

**1.** Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

## **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**2.** Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2011 adalah baik. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2011 berjumlah RM350.77 juta dan mengalami peningkatan sejumlah RM30.79 juta (9.6%) berbanding tahun 2010. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus sejumlah RM69.17 juta pada tahun 2011 berbanding sejumlah RM62.36 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM17.71 juta atau 6.1% sementara Akaun Kena Bayar berjumlah RM2.66 juta berkurangan sejumlah RM1.78 juta atau 40.1%. Baki pinjaman boleh dituntut pula berkurangan sejumlah RM265.47 juta atau 74.4% kepada RM91.34 juta pada tahun 2011 berbanding RM356.81 juta pada tahun 2010. Baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (termasuk bagi Projek Bekalan Air) menurun dari RM1.56 bilion pada tahun 2010 menjadi RM1.44 bilion. Tunggakan bayaran balik juga menurun kepada RM212.77 juta berbanding RM448.35 juta pada tahun 2010. Manakala Tunggakan Hasil bertambah sejumlah RM10.23 juta atau 7.6%.

## **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

**3.** Pada tahun 2011 sebanyak 219 projek pembangunan di bawah RMKe-10 telah dirancang untuk dilaksanakan. Tiga daripadanya adalah projek yang dirancang dalam tahun 2010 tetapi dilaksanakan pada tahun 2011. Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan oleh Kerajaan Negeri Sembilan di bawah RMKe-10 adalah baik. Sejumlah 213 projek atau 97.3% daripada 219 projek yang diluluskan pada tahun 2011 telah dapat disiapkan. Prestasi perbelanjaan pembangunan berdasarkan peruntukan berjumlah RM88.75 juta adalah baik memandangkan sejumlah RM82.49 juta atau 92.9% telah dibelanjakan.

#### **BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Pada tahun 2011, pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti telah dijalankan di 12 Jabatan/Agensi Negeri yang terdiri daripada 8 Jabatan Negeri, satu Agensi Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada 12 Jabatan/Agensi diaudit, 6 mencatat tahap sangat baik dan baki 6 lagi mencatat tahap baik. Kedudukan ini adalah bertambah baik daripada tahun 2010. Jabatan/Agensi yang mencapai tahap sangat baik dalam pengurusan kewangan ialah Pejabat Kewangan Negeri Sembilan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

#### **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

5. Pada tahun 2011, prestasi penyerahan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri Sembilan adalah baik di mana 12 daripada 14 Agensi telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2011 untuk diaudit. Kesemua 14 Penyata Kewangan tahun 2010 telah dikeluarkan Sijil Audit di mana kesemuanya telah diberi Sijil Tanpa Teguran. Sehingga 16 Mei 2012, semua Penyata Kewangan Tahun 2010 berserta Sijil Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

#### **BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 November 2011. Sepanjang tahun 2011 sehingga 16 Mei 2012, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 6 kali di mana 2 kali adalah bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Tahun 2009. Perbincangan mengenai pengurusan kewangan telah diadakan dengan Majlis Daerah Rembau dan berkaitan Penyata Kewangan dengan Pejabat Kewangan Negeri Sembilan.



# Bahagian I

## Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011

**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

## **1. PENDAHULUAN**

**1.1.** Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

**1.2.** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 kepada Ketua Audit Negara pada **15 Februari 2012**. Penyerahan Penyata pada tahun ini adalah lebih awal berbanding tahun 2010. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2011 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

**1.3.** Mulai tahun 2011, Kerajaan Negeri telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak- 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan menggantikan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berasaskan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.

**1.4.** Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan am dan pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.5.** Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2011. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.6.** Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber

pembiaanya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

**1.7.** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, dan Tunggakan Hasil. Tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

**1.8"** Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

**2.1.** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**2.2.** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2011. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Pejabat Kewangan Negeri Sembilan dan Jabatan-jabatan Negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

## **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

**3.1.** Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

**3.2.** Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



## Bahagian II

### Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### 4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2011, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum Aset, Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

#### 4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

#### 4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

**4.2.1.** Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM350.77 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM350.18 juta dan pelaburan sejumlah RM0.59 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	137.32	206.49	69.17	50.4
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	182.66	144.28	-38.38	-21.0
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-275.59	-308.94	-33.35	-12.1
	Kumpulan Wang Pembangunan	-230.05	-255.27	-25.22	-10.9
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	113.64	105.51	-8.13	-7.1
	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	-159.18	-159.18	0.00	0.0
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	428.79	421.35	-7.44	-1.7
	iii) Akaun Wang Deposit	29.46	31.87	2.41	8.2
<b>Jumlah</b>		<b>319.98</b>	<b>350.77</b>	<b>30.79</b>	<b>9.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.2.2.** Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami peningkatan sederhana sejumlah RM30.79 juta atau 9.6% iaitu daripada RM319.98 juta pada tahun 2010 menjadi baki terkumpul RM350.77 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan kepada RM206.49 juta atau 50.4% pada tahun 2011 berbanding RM137.32 juta pada tahun 2010. Analisis Audit terhadap kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2011 berbanding 2010 mendapati perkara berikut:

**4.2.2.1.** Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM69.17 juta atau 50.4% antaranya adalah disebabkan oleh peningkatan hasil cukai keluaran hutan sejumlah RM1.64 juta atau 64.3% daripada RM2.55 juta pada tahun 2010 kepada RM4.19 juta pada tahun 2011. Di samping itu hasil bukan cukai juga meningkat sejumlah RM22.73 juta atau 14.8% kepada RM176.28 juta pada tahun 2011 berbanding RM153.55 juta pada tahun 2010. Manakala terimaan bukan hasil meningkat sejumlah RM1.0 juta atau 1.2% menjadi RM80.89 juta pada tahun 2011 berbanding RM79.89 juta pada tahun 2010.

**4.2.2.2.** Akaun Amanah Disatukan mengalami penurunan sejumlah RM38.38 juta atau 21% menjadi RM144.28 juta pada tahun 2011 berbanding RM182.66 juta pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan peningkatan defisit Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM33.35 juta menjadi RM308.94 juta pada tahun 2011 berbanding RM275.59 juta pada tahun 2010. Sebahagian besar penurunan ini juga adalah disebabkan pengurangan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM8.13 juta dan pengurangan Kumpulan Wang Amanah Awam sejumlah RM7.44 juta.


**4.2.3.** Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan di **Carta 4.1**. Analisis Audit terhadap kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2007 hingga 2011 mendapati Kumpulan Wang Disatukan mencatat prestasi tertinggi dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah RM350.77 juta. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan prestasi tertinggi pada tahun 2011 berjumlah RM206.49 juta setelah mengalami penurunan sejak tahun 2007 hingga 2009. Manakala Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2007 hingga 2011 berbaki sifar disebabkan oleh semua pinjaman yang diterima telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Projek Pembangunan Bekalan Air.

**Jadual 4.2****Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	95.02	79.42	74.96	137.32	206.49
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	96.60	96.22	214.15	182.66	144.28
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-229.78	-229.02	-226.37	-275.59	-308.94
	Kumpulan Wang Pembangunan	-190.69	-206.39	-234.87	-230.05	-255.27
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	120.09	136.55	167.68	113.64	105.51
	Kumpulan Wang Bekalan Air	-159.18	-159.18	-159.18	-159.18	-159.18
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	239.57	253.50	374.89	428.79	421.35
	iii) Akaun Wang Deposit	69.90	71.74	65.63	29.46	31.87
	iv) Akaun Kena Bayar	16.91	**	**	**	**
	<b>Jumlah</b>	<b>191.62</b>	<b>175.64</b>	<b>289.11</b>	<b>319.98</b>	<b>350.77</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: \*\* Baki Akaun Kena Bayar bagi tahun 2008 hingga 2011 diambil kira di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

**Carta 4.1****Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

### 4.3. WANG AWAM

#### 4.3.1. Wang Tunai

**4.3.1.1.** Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan pada 31 Disember. Wang tunai dalam bank terdiri daripada baki Akaun Semasa dan baki akaun lain yang dikhaskan untuk tujuan tertentu, simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh 3 bulan atau

kurang, wang tunai dalam perjalanan iaitu wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember. Manakala wang tunai dalam tangan terdiri daripada panjar wang runcit.

**4.3.1.2.** Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2011 dan tahun 2010 menunjukkan peningkatan berjumlah RM53.60 juta atau 18.1% kepada RM350.18 juta berbanding RM296.58 juta pada tahun 2010. Peningkatan wang tunai antaranya disebabkan terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Bekalan Air sejumlah RM153.66 juta dan keuntungan bersih hasil jualan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM66.62 juta serta faedah daripada simpanan tetap dalam bank. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2011 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.3.**

**Jadual 4.3**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	295.08	348.81	53.73	18.2
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	1.48	1.35	-0.13	-8.8
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.02	0.02	0.00	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>296.58</b>	<b>350.18</b>	<b>53.60</b>	<b>18.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


**4.3.1.3.** Baki wang tunai tahun 2011 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Kedudukan baki wang tunai bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan di **Carta 4.2**. Pegangan Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM348.81 juta di mana RM300 juta disimpan dalam simpanan tetap jangka pendek kurang daripada 3 bulan dan baki RM48.81 juta adalah untuk tujuan belanja mengurus. Pegangan tunai ini adalah agak besar. Sekiranya sejumlah RM300 juta tersebut dilaburkan di dalam simpanan tetap jangka panjang ia akan dapat pulangan yang lebih dan seterusnya dapat meningkatkan sumber hasil Kerajaan Negeri.

**Jadual 4.4**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	163.01	147.20	264.23	295.08	348.81
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	5.22	5.00	1.46	1.48	1.35
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.03	0.04	0.02	0.02	0.02
<b>Jumlah</b>		<b>168.26</b>	<b>152.24</b>	<b>265.71</b>	<b>296.58</b>	<b>350.18</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.2**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.3.2. Pelaburan

**4.3.2.1.** Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan, 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang selaras dengan para 1.2.3. *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS)- Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting* dan para 6.3.1.(b)(ii) Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (disemak 2010) – Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan menghendaki Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh 3 bulan atau lebih diklasifikasikan sebagai pelaburan. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum.

**4.3.2.2.** Pada akhir tahun 2011, pelaburan saham Kerajaan Negeri dalam Penyata Kedudukan Kewangan berjumlah RM0.59 juta. Ini merupakan penurunan sebanyak 97.5% ekoran 3 daripada 4 saham Kerajaan Negeri iaitu saham Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Malaysia Airport Holdings dengan nilai pokok RM22.91 juta telah dijual dalam tahun 2011. Kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Pelaburan	Tahun	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Telekom Malaysia Berhad	3.85	0.00
2.	Tenaga Nasional Berhad	8.06	0.00
3.	Malaysia Airport Holdings	11.00	0.00
4.	Amanah Saham Bank Islam	0.49	0.49
5.	AMConstant Multi Maturity 2	**	0.10
<b>Jumlah</b>		<b>23.40</b>	<b>0.59</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: \*\* Dibeli pada tahun 2011

**4.3.2.3.** Kedudukan pelaburan saham Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.6.** dan **Carta 4.3.**


**Jadual 4.6**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Telekom Malaysia Berhad	3.85	3.85	3.85	3.85	0.00
2.	Tenaga Nasional Berhad	8.06	8.06	8.06	8.06	0.00
3.	Malaysia Airport Holdings Berhad	11.00	11.00	11.00	11.00	0.00
4.	Amanah Saham Bank Islam	0.45	0.49	0.49	0.49	0.49
5.	AMConstant Multi Maturity 2	**	**	**	**	0.10
<b>Jumlah</b>		<b>23.36</b>	<b>23.40</b>	<b>23.40</b>	<b>23.40</b>	<b>0.59</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: \*\* Dibeli pada tahun 2011

**Carta 4.3**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


**4.3.2.4.** Pada akhir tahun 2011, baki pelaburan pokok berjumlah RM1.59 juta iaitu sejumlah RM0.59 juta di Penyata Kedudukan Kewangan dan sejumlah RM1 juta di Penyata Akaun Memorandum. Jumlah dividen yang diterima pada tahun 2011 berjumlah RM3.08 juta adalah daripada saham pada nilai pokok RM22.91 juta di Penyata Kedudukan Kewangan dan RM5.30 juta di Penyata Akaun Memorandum yang telah dijual dalam tahun 2011. Nilai pelaburan ini adalah sangat rendah. Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan untuk menambah/meningkat pelaburan bagi mendapat pulangan yang lebih pada tahun kewangan akan datang. Dividen yang diterima pada tahun 2011 seperti di **Jadual 4.7** dan dividen yang diterima dari tahun 2007 hingga 2011 seperti di **Carta 4.4**.

**Jadual 4.7**  
**Dividen Saham Yang Diterima Pada Tahun 2011**

Bil.	Pelaburan	Penyata Kedudukan Kewangan (RM Juta)	Penyata Akaun Memorandum (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Dividen (RM Juta)
1.	Telekom Malaysia Berhad	0.00	0.00	0.00	0.51
2.	Tenaga Nasional Berhad	0.00	0.00	0.00	0.43
3.	Malaysia Airport Holdings Berhad	0.00	0.00	0.00	0.65
4.	Petronas Dagang Berhad	0.00	0.00	0.00	1.49
5.	Amanah Saham Bank Islam	0.49	1.00	1.49	0.00
6.	Amconstant Multi Maturity 2	0.10	-	0.10	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>0.59</b>	<b>1.00</b>	<b>1.59</b>	<b>3.08</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.4**  
**Penerimaan Dividen Saham Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### **4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN**

Pada keseluruhannya Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2011 menunjukkan surplus sejumlah RM69.17 juta berbanding RM62.36 juta pada tahun 2010. Baki Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2011 meningkat sejumlah RM69.17 juta menjadi RM206.49 juta berbanding RM137.32 juta pada akhir tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan hasil cukai sejumlah RM0.79 juta atau 0.7%, Hasil Bukan Cukai sejumlah RM22.73 juta atau 14.8% dan Terimaan Bukan Hasil sejumlah RM1 juta atau 1.2% pada tahun 2011.

##### **4.4.1. Hasil**

###### **4.4.1.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan**

Kerajaan Negeri Sembilan memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2011 keseluruhan kutipan hasil sebenar adalah melebihi anggaran sejumlah RM79.43 juta atau 26.6% berbanding dengan anggaran yang diluluskan berjumlah RM298.18 juta seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran**  
**Diluluskan Tahun 2011**

Bil.	Jenis Hasil	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Hasil Cukai	144.75	120.44	83.2
2.	Hasil Bukan Cukai	69.39	176.28	254.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	84.04	80.89	96.3
<b>Jumlah</b>		<b>298.18</b>	<b>377.61</b>	<b>126.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

###### **4.4.1.2. Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2011 Berbanding Tahun 2010**

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2011 berjumlah RM377.61 juta iaitu meningkat sejumlah RM24.52 juta atau 6.9% berbanding tahun 2010 berjumlah RM353.09 juta. Peningkatan hasil tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan hasil cukai sejumlah RM0.79 juta atau 0.7% kepada RM120.44 juta pada tahun 2011 berbanding RM119.65 juta pada tahun 2010. Hasil Bukan Cukai juga meningkat sejumlah RM22.73 juta atau 14.8% menjadi RM176.28 juta pada tahun 2011 berbanding RM153.55 juta pada tahun 2010. Manakala Terimaan Bukan Hasil meningkat sejumlah RM1.0 juta atau 1.2% kepada RM80.89 juta pada tahun 2011 berbanding RM79.89 juta pada tahun 2010. Jumlah hasil bagi tahun 2011 berbanding 2010 seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Kutipan Hasil Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	119.65	120.44	0.79	0.7
2.	Hasil Bukan Cukai	153.55	176.28	22.73	14.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	79.89	80.89	1.0	1.2
<b>Jumlah</b>		<b>353.09</b>	<b>377.61</b>	<b>24.52</b>	<b>6.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.1.3. Prestasi Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tempoh 5 Tahun


Kutipan hasil Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan pada tahun 2008, menurun pada tahun 2009 dan meningkat semula pada tahun 2010 dan 2011. Prestasi hasil Negeri bagi tempoh 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.10** dan di **Carta 4.5**. Hasil tahun 2011 adalah tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

**Jadual 4.10**  
**Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	109.35	115.52	113.51	119.65	120.44
2.	Hasil Bukan Cukai	88.01	64.57	71.26	153.55	176.28
3.	Terimaan Bukan Hasil	53.92	80.61	63.02	79.89	80.89
<b>Jumlah</b>		<b>251.28</b>	<b>260.70</b>	<b>247.79</b>	<b>353.09</b>	<b>377.61</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan

**Carta 4.5**  
**Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.1.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada kutipan Cukai Tanah, Terimaan Dari Agensi Kerajaan, Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan Dari Jualan Barang-Barang, Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit. Analisis terhadap 5 butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

**Jadual 4.11**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun					
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	102.94	110.16	107.09	114.03	112.51	546.73
2.	Terimaan Dari Agensi Kerajaan	47.14	60.43	58.51	76.25	77.38	319.71
3.	Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	10.70	12.84	13.15	14.04	21.67	72.4
4.	Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	47.27	22.13	27.81	107.29	47.73	252.23
5.	Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	13.42	12.81	14.43	15.38	20.82	76.86
<b>Jumlah</b>		<b>221.47</b>	<b>218.37</b>	<b>220.99</b>	<b>326.99</b>	<b>280.11</b>	<b>1,267.93</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.1.5. Analisis Audit seperti di **Jadual 4.11** mendapati bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, kutipan Cukai Tanah adalah merupakan penyumbang terbesar antara 5 butiran hasil tersebut yang meningkat dengan ketara dengan kutipan berjumlah RM546.73 juta bagi tempoh 5 tahun berkenaan. Penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah daripada Terimaan Dari Agensi Kerajaan dan Perolehan Dari Jualan Barang-barang masing-masing berjumlah RM319.71 juta dan RM252.23 juta bagi tempoh 5 tahun berkenaan. Peningkatan hasil ketara tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.12**.

**Jadual 4.12**  
**Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil		Perubahan		Punca Peningkatan
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Keuntungan pembiayaan dan Perolehan	9.49	81.41	71.92	757.8	Keuntungan jualan saham Kerajaan Negeri.
2.	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	14.04	21.67	7.63	54.3	Pelbagai bayaran balik, pemberian caj perkhidmatan 10% projek Persekutuan dan pemberian 50% perbelanjaan mengurus.
3.	Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	15.38	20.82	5.44	35.4	Peningkatan hasil permit tanah dan galian.
<b>Jumlah</b>		<b>38.91</b>	<b>123.90</b>	<b>84.99</b>	<b>218.4</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

##### 4.4.2.1. Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2011 ialah RM298.18 juta dan ditambah sejumlah RM18.61 juta dan menjadikan peruntukan muktamad bagi tahun 2011 berjumlah RM316.79 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus ini telah berkurangan sejumlah RM238.91 juta atau 42.9% kepada RM316.79 juta pada tahun 2011 berbanding RM555.70 juta pada tahun 2010. Daripada peruntukan berjumlah RM316.79 juta ini, sejumlah RM308.44 juta atau 97.4% telah dibelanjakan. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.13**  
**Perbelanjaan Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan Tahun 2011**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Emolumen	109.80	107.54	97.9
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	72.74	68.93	94.7
3.	Aset	1.46	1.41	96.6
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	130.19	128.54	98.7
5.	Perbelanjaan Lain	2.60	2.02	77.6
<b>Jumlah</b>		<b>316.79</b>	<b>308.44</b>	<b>97.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.2.2.** Pada keseluruhannya perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM17.71 juta atau 6.1% kepada RM308.44 juta pada tahun 2011 berbanding RM290.73 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan bayaran Emolumen dan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.14**.

**Jadual 4.14**

**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	103.25	107.54	4.29	4.1
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	60.35	68.93	8.58	14.2
3.	Aset	1.03	1.41	0.38	36.9
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	124.98	128.54	3.56	2.8
5.	Perbelanjaan Lain	1.12	2.02	0.90	80.3
<b>Jumlah</b>		<b>290.73</b>	<b>308.44</b>	<b>17.71</b>	<b>6.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.2.3.** Analisis Audit bagi 2 maksud perbelanjaan iaitu Emolumen dan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan peningkatan sejumlah RM4.29 juta dan RM3.56 juta masing-masing. Manakala 3 maksud perbelanjaan yang lain iaitu Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset serta Perbelanjaan Lain turut mengalami peningkatan. Peningkatan/penurunan Perbelanjaan Mengurus yang ketara pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.15**. Analisis perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.6**.

**Jadual 4.15**

**Perubahan Perbelanjaan Ketara Pada Tahun 2011 Berbanding Tahun 2010**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Perubahan		Punca Perubahan
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	103.25	107.54	4.29	4.1	Bayaran bonus kakitangan awam.
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	60.35	68.93	8.58	14.2	Peningkatan perbelanjaan perolehan pelbagai bekalan dan perkhidmatan.
3.	Aset	1.03	1.41	0.38	36.9	Perolehan bagi pengganti aset lama.
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	124.98	128.54	3.56	2.8	Peningkatan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.
5.	Perbelanjaan Lain	1.12	2.02	0.90	80.3	Pulangan balik hasil dan bayaran atas perintah mahkamah.
<b>Jumlah</b>		<b>290.73</b>	<b>308.44</b>	<b>17.71</b>	<b>6.1</b>	


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.16**  
**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Perbelanjaan Mengurus	Tahun				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Emolumen	79.74	96.45	98.08	103.25	107.54
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	71.99	71.36	64.11	60.35	68.93
3.	Aset	6.37	3.99	2.11	1.03	1.41
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	112.40	101.44	84.41	124.98	128.54
5.	Perbelanjaan Lain	1.10	3.06	3.54	1.12	2.02
<b>Jumlah</b>		<b>271.60</b>	<b>276.30</b>	<b>252.25</b>	<b>290.73</b>	<b>308.44</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.6**  
**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.2.4. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan AP58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlakunya kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP 58(a) mendapati bayaran berjumlah RM0.46 juta telah dibuat pada tahun 2011 iaitu meningkat sejumlalh RM0.19 juta (70.3%) berbanding RM0.27 juta pada tahun 2010 seperti di **Jadual 4.17**. Pembayaran tersebut antaranya melibatkan bayaran

bil perubatan pesara dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta elauan lebih masa mulai dari tahun 2004 sehingga 2010.

**Jadual 4.17  
Pembayaran Di Bawah AP 58(a) Pada Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Jabatan	2010		2011	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	50	0.14	80	0.11
2.	Pejabat DYMM Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan	20	0.09	9	0.21
3.	Pejabat Menteri Besar	-	-	4	0.13
4.	Jabatan Pertanian	1	0.03	-	-
5.	Jabatan/Pejabat Lain	13	0.01	10	0.01
<b>Jumlah</b>		<b>84</b>	<b>0.27</b>	<b>103</b>	<b>0.46</b>

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Negeri

#### **4.4.2.5. Perbelanjaan Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59**

Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barang atau perkhidmatan kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seorang penjawat awam atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu hasil siasatan. Pada tahun 2011, terdapat satu pendahuluan diri telah diluluskan untuk pembayaran di bawah AP 59 kepada Pejabat Menteri Besar dengan jumlah RM23,002. Bayaran ini adalah merupakan bayaran bil tunggakan yang terlepas pandang pada tahun 2006 bagi pemberian 2 buah kenderaan Pejabat. Siasatan mendapati kelewatan bayaran tersebut bukanlah disebabkan kecuaian pegawai oleh itu pendahuluan diri ini telah pun diselesaikan melalui jurnal oleh Pejabat Kewangan Negeri dalam tahun 2011.

#### **4.4.2.6. Prestasi Kewangan Akaun Semasa**

Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Semasa mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur surplus atau defisit bagi Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2011, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatat surplus sejumlah RM69.17 juta berbanding RM62.36 juta pada tahun 2010. Prestasi kewangan Akaun Semasa pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di **Jadual 4.18**. Peningkatan baki Akaun Hasil Disatukan antara sebabnya ialah peningkatan Hasil Bukan Cukai berjumlah RM22.73 juta pada tahun 2011.

**Jadual 4.18****Prestasi Kewangan Akaun Semasa Pada Tahun 2011 Berbanding 2010**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	353.09	377.61	24.52	6.9
Perbelanjaan Mengurus	290.73	308.44	17.71	6.1
<b>Surplus</b>	<b>62.36</b>	<b>69.17</b>	<b>6.81</b>	<b>10.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.2.7.** Analisis perbandingan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2007 hingga 2009 menunjukkan Kerajaan Negeri mengalami defisit bagi 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun pada tahun 2010 akaun ini mencatat surplus sejumlah RM62.36 juta dan surplus ini terus meningkat pada tahun 2011 kepada RM69.17 juta. Prestasi Hasil berbanding Perbelanjaan Mengurus bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

**Jadual 4.19****Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Butiran	Tahun				
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Hasil	251.28	260.70	247.79	353.09	377.61
Perbelanjaan Mengurus	271.60	276.30	252.25	290.73	308.44
<b>Surplus/Defisit</b>	<b>-20.32</b>	<b>-15.60</b>	<b>-4.46</b>	<b>62.36</b>	<b>69.17</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

## 4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran balik pinjaman diakaunkan. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan, 1957. Pada akhir tahun 2011, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar kerana semua pinjaman yang diterima telah dipindahkan ke Akaun Amanah Pembangunan Air. Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi 2 projek Bekalan Air berjumlah RM153.66 juta mencatatkan pengurangan sejumlah RM145.81 juta atau 48.7% berbanding tahun 2010. Dua projek yang mendapat pinjaman tersebut ialah Projek Bekalan Air Triang sejumlah RM52.87 juta dan Projek Loji Rawatan Air Ngori-Ngori sejumlah RM100.79 juta.

## 4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Pada akhir tahun 2011 baki Kumpulan Wang ini berkurangan sejumlah RM38.38 juta atau 21.0% kepada RM144.28 juta berbanding RM182.66 juta pada tahun 2010 seperti di **Jadual 4.20**. Pengurangan ini adalah disebabkan peningkatan defisit Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM33.35 juta menjadi RM308.94 juta pada tahun 2011 berbanding RM275.59 juta pada tahun 2010.

**Jadual 4.20**  
**Akaun Amanah Disatukan Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	-275.59	-308.94	-33.35	-12.1
- Kumpulan Wang Pembangunan	-230.05	-255.27	-25.22	-10.9
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	113.64	105.51	-8.13	-7.1
- Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	-159.18	-159.18	0.00	0.0
ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	428.79	421.35	-7.44	-1.7
iii) Akaun Wang Deposit	29.46	31.87	2.41	8.2
<b>Jumlah</b>	<b>182.66</b>	<b>144.28</b>	<b>-38.38</b>	<b>-21.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

### 4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2011 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengalami peningkatan defisit sejumlah RM33.35 juta kepada RM308.94 juta berbanding RM275.59 juta pada akhir tahun 2010. Peningkatan defisit ini antaranya adalah disebabkan oleh defisit Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM25.22 juta, pengurangan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM8.13 juta dan Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM7.44 juta pada akhir tahun 2011.

#### 4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diakaunkan ke Akaun Amanah Disatukan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian dan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan serta terimaan bayaran balik pinjaman dari Agensi Kerajaan. Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

- Pada akhir tahun 2011, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan peningkatan baki defisit sejumlah RM25.22 juta atau 10.9% kepada RM255.27 juta berbanding defisit berjumlah RM230.05 juta pada tahun 2010. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.21**. Sumber terimaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti di **Jadual 4.22**.

**Jadual 4.21**

**Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Perkara	Tahun		Perubahan	
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-234.87	-230.05	4.82	2.0
Terimaan	89.82	57.26	-32.56	-36.2
Perbelanjaan	85.00	82.48	-2.52	-2.9
Surplus/Defisit	4.82	-25.22	-30.04	-623.2
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-230.05</b>	<b>-255.27</b>	<b>-25.22</b>	<b>-10.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.22**

**Sumber Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2011**

Bil.	Sumber Terimaan	Jumlah (RM Juta)
1.	Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	36.69
2.	Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	0.00
3.	Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	18.50
4.	Sewa Rumah Awam Kos Rendah	2.07
<b>Jumlah</b>		<b>57.26</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- Analisis terhadap perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010 menunjukkan 4 Jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan antara 1.4% hingga 35.2%. Manakala 5 Jabatan mengalami penurunan perbelanjaan antara 0.1% hingga 100.0%. Butir-butir peningkatan dan penurunan perbelanjaan pembangunan adalah seperti di **Jadual 4.23**. Perbelanjaan pembangunan yang melibatkan perubahan yang ketara adalah seperti berikut:

- i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengalami penurunan perbelanjaan sebanyak RM3.71 juta atau 10.5%. Di antara projek pembangunan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri termasuklah Kerja-kerja Kecil, Pelbagai, Bangunan-bangunan Kerajaan, Kemajuan Kawasan Perusahaan dan Pelancongan.
- ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengalami peningkatan perbelanjaan sebanyak RM1.44 juta atau 35.2% menjadi RM5.53 juta dalam tahun 2011. Peningkatan ini antaranya disebabkan pembangunan industri ternakan dan zon industri makanan ternakan serta projek pertanian.
- iii. Jabatan Pertanian, Jabatan pengairan Dan Saliran dan Jabatan Perhutanan juga mengalami peningkatan perbelanjaan antara 1.4% hingga 32.7%.
- iv. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian tidak mendapat sebarang peruntukan pembangunan dalam tahun 2011 berbanding 2010.

**Jadual 4.23**  
**Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Perbelanjaan		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.09	5.53	1.44	35.2
2.	Jabatan Pertanian	3.39	4.50	1.11	32.7
3.	Jabatan Perhutanan	2.20	2.47	0.27	12.3
4.	Pengairan Dan Saliran	11.73	11.90	0.17	1.4
5.	Pejabat Menteri Besar*	10.00	9.99	-0.01	-0.1
6.	Jabatan Kerja Raya	11.03	10.82	-0.21	-1.9
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	35.36	31.65	-3.71	-10.5
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	7.15	5.63	-1.52	-21.2
9.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	0.05	0.00	-0.05	-100.0
<b>Jumlah</b>		<b>85.00</b>	<b>82.49</b>	<b>-2.51</b>	<b>-3.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: Peruntukan Jabatan Bertanda (\*) Bukan Untuk Projek Pembangunan

### c. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Berbanding Peruntukan

Pada tahun 2011 jumlah peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan projek pembangunan RMKe-10 adalah RM94.95 juta. Jumlah ini terdiri daripada RM88.75 juta di bawah peruntukan langsung dan RM6.20 juta di bawah peruntukan pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah daripada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun pada tahun 2011 tiada pinjaman diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan tersebut. Sebanyak RM10 juta daripada peruntukan pembangunan adalah untuk Perkhidmatan Masyarakat di Pejabat Menteri Besar. Jabatan yang menerima peruntukan tertinggi bagi melaksanakan projek pembangunan adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM34.94 juta, Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM12.50 juta dan Jabatan Kerja Raya

berjumlah RM11.78 juta. Sehingga akhir tahun 2011, sejumlah RM82.49 juta atau 92.9% daripada keseluruhan peruntukan tahun 2011 yang berjumlah RM88.75 juta telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya, kesemua 7 Jabatan yang melaksanakan projek pembangunan telah mencapai prestasi perbelanjaan pembangunan melebihi 80%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

**Jadual 4.24**  
**Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2011**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Menteri Besar*	10.00	9.99	99.9
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	34.94	31.65	90.6
3.	Jabatan Pertanian	4.50	4.50	100.0
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.53	5.53	100.0
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	12.50	11.90	95.2
6.	Jabatan Kerja Raya	11.78	10.82	91.8
7.	Jabatan Perhutanan	3.00	2.47	82.3
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	6.50	5.63	86.6
<b>Jumlah</b>		<b>88.75</b>	<b>82.49</b>	<b>92.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: Peruntukan Jabatan Bertanda (\*) Bukan Untuk Projek Pembangunan

#### **4.6.1.2. Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan. Mulai tahun 2009, Jabatan Bekalan Air telah dikorporatkan kepada Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) oleh itu kedudukan baki Kumpulan Wang Bekalan Air tidak berubah dengan baki debit RM159.18 juta. Sehingga 30 April 2012, Kementerian Kewangan masih berunding dengan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) untuk menyerap perbelanjaan modal (CAPEX) dari baki debit Akaun ini agar ia dapat ditutup.

#### **4.6.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Akaun Perniagaan, Pelbagai Kumpulan Wang dan Kumpulan Wang Luar Jangka. Pada akhir tahun 2011, baki Kumpulan Wang ini berkurangan sejumlah RM8.13 juta atau 7.1% menjadi RM105.51 juta berbanding RM113.64 juta pada tahun 2010. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2011 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.25**. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 terdapat satu Akaun Perniagaan dan 3 Akaun Pinjaman yang tidak bergerak seperti di **Jadual 4.26**.

**Jadual 4.25**  
**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**  
**Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Akaun Amanah	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	81.75	76.81	-4.94	-6.0
2.	Akaun Pinjaman	22.27	20.10	-2.17	-9.7
3.	Akaun Perniagaan	2.10	2.10	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	5.52	4.50	-1.02	-18.5
5.	Kumpulan Wang Luar Jangka	2.00	2.00	0.00	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>113.64</b>	<b>105.51</b>	<b>-8.13</b>	<b>-7.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.26**  
**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Amanah Kerajaan Yang Tidak Bergerak**  
**Pada Tahun 2011**

Bil.	Jenis Akaun	Nama Akaun	Baki (RM Juta)
1.	Perniagaan	Akaun Woksyop Jabatan Kerja Raya	1.05
2.	Pinjaman	Akaun Urus niaga – Pendahuluan Pelbagai Bukan Pegawai Awam	-0.06
3.	Pinjaman	Akaun Pinjaman Penempatan Khinzir	4.79
<b>Jumlah</b>			<b>5.78</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.6.1.4. Akaun Kena Bayar


Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperoleh oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2011, jumlah Akaun Kena Bayar telah berkurangan dengan ketara sejumlah RM1.78 juta atau 40.1% kepada RM2.66 juta berbanding RM4.44 juta pada tahun 2010. Analisis peningkatan dan penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

**Jadual 4.27**  
**Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Kewangan Negeri	0.12	0.00	-0.12	-100.0
2.	Pejabat DYMM Yang Dipertuan Besar	0.08	0.00	-0.08	-100.0
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	0.06	0.00	-0.06	-100.0
4.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0.03	0.00	-0.03	-100.0
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol	0.02	0.00	-0.02	-100.0
6.	Jabatan Mufti	0.01	0.00	-0.01	-100.0
7.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.01	0.00	-0.01	-100.0
8.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1.66	0.54	-1.12	-67.5
9.	Jabatan Pertanian	0.07	0.03	-0.04	-57.1
10.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	0.02	0.01	-0.01	-50.0
11.	Jabatan Kerja Raya	0.04	0.02	-0.02	-50.0
12.	Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin	0.02	0.01	-0.01	-50.0
13.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kecil Gemas	0.02	0.01	-0.01	-50.0
14.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	0.03	0.02	-0.01	-33.3
15.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau	0.03	0.02	-0.01	-33.3
16.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.03	0.02	-0.01	-33.3
17.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	1.82	1.51	-0.31	-17.0
18.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	0.27	0.26	-0.01	-3.7
19.	Jabatan Kehakiman Dan Syariah	0.01	0.01	0.00	0.0
20.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.02	0.02	0.00	0.0
21.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah	0.02	0.02	0.00	0.0
22.	Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban	0.05	0.16	0.11	220.0
<b>Jumlah</b>		<b>4.44</b>	<b>2.66</b>	<b>-1.78</b>	<b>-40.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Pada tahun 2011, sebanyak 18 Jabatan telah berjaya mengurangkan pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar antara 3.7% hingga 100% kerana telah membuat pembayaran dengan lebih cekap iaitu dalam tempoh 14 hari. Bagaimanapun satu Jabatan menunjukkan peningkatan Akaun Kena Bayar sehingga 220%. Analisis perbandingan Akaun Kena Bayar bagi tempoh 5 tahun menunjukkan penurunan kecuali pada tahun 2008 seperti di **Carta 4.7**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis perbandingan antara jumlah perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2011 berbanding perbelanjaan Akaun Kena Bayar pada tahun 2011 mendapati perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM17.71 juta atau 6.1% berbanding Akaun Kena Bayar mencatatkan penurunan sejumlah RM1.78 juta atau 40.1%.

#### **4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini mengakaunkan terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri. Sebanyak 41 Akaun Amanah Awam diselenggarakan pada tahun 2011. Pada akhir tahun 2011 baki Kumpulan Wang ini berkurangan sejumlah RM7.44 juta atau 1.7% kepada RM421.35 juta berbanding RM428.79 juta pada tahun 2010. Sebanyak 4 Akaun Amanah Awam yang baru berjumlah RM22.10 juta telah ditubuhkan pada tahun 2011. Di samping itu satu akaun amanah telah diklasifikasikan semula dari Akaun Amanah Kerajaan kepada Akaun Amanah Awam berjumlah RM3.03 juta. Akaun Amanah tersebut adalah seperti di **Jadual 4.28**.

**Jadual 4.28**

**Penubuhan Akaun Amanah Baru Dan Akaun Amanah Yang Diklasifikasikan Semula Pada Tahun 2011**

Bil.	Akaun Amanah	Objektif Penubuhan	Amaun (RM Juta)
<b>Akaun Amanah Yang Baru Ditubuhkan Pada Tahun 2011</b>			
1.	Akaun Amanah Permasalahan Rakyat	Sumber daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah rakyat di bawah program bantuan kemiskinan, menaik taraf/baik pulih infrastruktur dan kemudahan awam.	20.00
2.	Akaun Amanah Pelaburan Negeri	Sumber daripada Kerajaan Negeri untuk membolehkan pelaburan dibuat daripada wang yang diperuntukkan ke Akaun ini.	2.00
3.	Akaun Amanah Sokongan Keluarga Negeri Sembilan Jabatan Kehakiman Syariah	Sumber daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan operasi Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah.	0.10
4.	Akaun Amanah Bagi Penyewaan Auditorium Dan Ruang Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson	Sumber daripada sewaan Auditorium dan ruang Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson untuk digunakan bagi membayai kos penyenggaraan dan kelengkapan.	0.00
<b>Jumlah</b>			<b>22.10</b>
<b>Akaun Amanah Yang Diklasifikasikan Semula Pada Tahun 2011</b>			
1.	Akaun Amanah Kuota Bumiputra Bagi Pembangunan Lot-Lot Perumahan, Perniagaan Dan Perindustrian	Bayaran perkhidmatan oleh pemaju kerana penjualan lot kuota bumiputera digunakan untuk pengurusan kuota bumiputera.	3.03
<b>Jumlah</b>			<b>3.03</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### **4.6.2.1. Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri**

Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957. Sumber dana akaun ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-badan Swasta dan sumber lain. Akaun Amanah ini digunakan untuk membiayai kos penyenggaraan jalan raya negeri sepanjang 1,365 kilometer dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Pada tahun 2011 sejumlah RM199.00 juta terimaan telah diakaunkan ke akaun amanah ini. Sejumlah RM136.01 juta daripadanya merupakan pemberian jalan raya negeri daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 manakala RM62.9 juta lagi merupakan pelarasan baki akaun amanah jalan raya di daerah-daerah dan bayaran balik gaji yang terlebih dibayar. Baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM29.86 juta atau 13.0% menjadi RM259.37 juta pada tahun 2011 berbanding RM229.51 juta pada tahun 2010. Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri bagi tahun 2011 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.29**. Peratus penggunaan iaitu perbelanjaan berbanding terimaan serta baki akaun ini bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.30** dan **Carta 4.8**.

**Jadual 4.29**

**Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri  
Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Perihal	Tahun		Perubahan	
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	174.49	229.51	55.02	31.5
Penerimaan	184.55	199.00	14.45	7.8
Pembayaran	-129.53	-169.14	-39.61	-30.6
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>229.51</b>	<b>259.37</b>	<b>29.86</b>	<b>13.0</b>


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.30**

**Kedudukan Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri  
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2007	40.66	95.10	81.36	54.40	85.5
2008	54.40	166.83	104.06	117.17	62.7
2009	117.17	180.41	123.09	174.49	68.2
2010	174.49	184.55	129.53	229.51	70.2
2011	229.51	199.00	169.14	259.37	84.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.8****Kedudukan Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.6.2.2. Akaun Amanah Projek Pembangunan Bekalan Air

Akaun amanah ini ditubuhkan untuk membiayai kos pembangunan projek bekalan air Negeri Sembilan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan sehingga selesai atau sehingga akaun projek berkenaan ditutup. Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber dana akaun ini adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan hasil yang dibenarkan dan dipersetujui oleh jawatankuasa. Pada tahun 2011 sejumlah RM204.11 juta telah dibelanjakan bagi Projek Bekalan Air Triang dan Projek Loji Rawatan Air Ngor-Ngori. Pada akhir tahun 2011 baki akaun ini adalah berjumlah RM64.00 juta.

#### 4.6.2.3. Akaun Amanah Perpindahan Pejabat Menteri Besar

Akaun amanah ini ditubuhkan untuk membiayai kos bagi perpindahan Pejabat Menteri Besar. Pada akhir tahun 2011 akaun ini berbaki RM2.50 juta. Akaun ini tidak bergerak sejak tahun 2007.

### 4.6.3. Wang Deposit

**4.6.3.1.** Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Senarai baki deposit hendaklah dikemukakan kepada

Pejabat Kewangan Negeri dan salinan kepada Jabatan Audit Negara pada akhir bulan Disember setiap tahun.

**4.6.3.2.** Pada akhir tahun 2011, Kerajaan Negeri menyelenggarakan 11 jenis deposit bagi 21 Jabatan. Baki deposit pada akhir tahun 2011 telah meningkat sejumrah RM2.41 juta atau 8.2% kepada RM31.87 juta berbanding RM29.46 juta pada tahun 2010. Semua penyata deposit pada 31 Disember 2011 telah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri. Kedudukan baki Wang Deposit tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.31**. Kedudukan baki wang deposit bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.32** dan **Carta 4.9**.

**Jadual 4.31**

**Kedudukan Baki Wang Deposit Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Deposit	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	19.65	20.59	0.94	4.8
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	5.98	7.64	1.66	27.7
3.	Lain-lain Deposit	3.83	3.64	-0.19	-4.9
Jumlah		29.46	31.87	2.41	8.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


**Jadual 4.32**

**Kedudukan Baki Wang Deposit Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Deposit	Baki Deposit				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	23.15	23.05	20.59	19.65	20.59
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	5.51	5.98	3.89	5.98	7.64
3.	Lain-lain Deposit	41.24	42.71	41.15	3.83	3.64
Jumlah		69.90	71.74	65.63	29.46	31.87

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.9**  
**Kedudukan Baki Wang Deposit Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.7. PRESTASI PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penyata Penerimaan dan Pembayaran disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 2) yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara dan berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai serta kesetaraan tunai. Aliran masuk terdiri daripada hasil, pinjaman, modal dan lain-lain amanah. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran pinjaman dan lain-lain bayaran amanah.

**4.7.1.** Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2011 berjumlah RM574.65 juta terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan pelbagai terimaan modal. Sejumlah RM521.05 juta telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan dan amanah. Pada akhir tahun 2011, baki wang tunai meningkat sejumlah RM53.60 juta atau 18.1% kepada RM350.18 juta berbanding RM296.58 juta pada tahun 2010.

**4.7.2.** Pada tahun 2011 terimaan Kerajaan Negeri berkurangan sejumlah RM98.74 juta atau 14.7% menjadi RM574.65 juta berbanding RM673.39 juta pada tahun 2010. Terimaan yang tertinggi adalah daripada Kutipan Hasil iaitu sejumlah RM377.61 juta. Peningkatan hasil ini adalah antaranya disebabkan oleh peningkatan kutipan Hasil Cukai sejumlah RM0.79 juta, Hasil Bukan Cukai berjumlah RM22.73 juta dan Terimaan Bukan Hasil sejumlah RM1.0 juta berbanding tahun 2010.

**4.7.3.** Pembayaran pada tahun 2011 berkurangan sejumlah RM121.47 juta atau 18.9% menjadi RM521.05 juta berbanding RM642.52 juta pada tahun 2010. Pembayaran tertinggi adalah dari bayaran perbelanjaan mengurus berjumlah RM258.05 juta atau 49.5% daripada keseluruhan pembayaran wang tunai pada tahun 2011. Butiran penerimaan dan pembayaran wang tunai Kerajaan Negeri pada tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

**Jadual 4.33**

Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2011 Berbanding 2010

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>1.</b>	<b>Terimaan</b>	<b>673.39</b>	<b>574.65</b>	<b>-98.74</b>	<b>-14.7</b>
	Hasil Cukai	119.65	120.44	0.79	0.7
	Hasil Bukan Cukai	153.55	176.28	22.73	14.8
	Terimaan Bukan Hasil	79.89	80.89	1.00	1.2
	Pinjaman	299.48	153.66	-145.82	-48.7
	Pelbagai Terimaan	20.82	43.38	22.56	108.3
<b>2.</b>	<b>Bayaran</b>	<b>642.52</b>	<b>521.05</b>	<b>-121.47</b>	<b>-18.9</b>
	Perbelanjaan Mengurus	203.77	258.05	54.28	26.6
	Perbelanjaan Pembangunan	85.00	82.49	-2.51	-2.9
	Perbelanjaan Modal	0.00	0.00	0.00	0.0
	Bayaran Balik Pinjaman	317.45	167.36	-150.09	-47.3
	Lain-lain Bayaran	36.30	13.15	-23.15	-63.8
<b>Tambahan/Kurangan Wang Tunai</b>		<b>30.87</b>	<b>53.60</b>	<b>22.73</b>	<b>73.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

## 4.8. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

**4.8.1.** Bagi tahun 2011, sumber dana Kerajaan Negeri Sembilan berjumlah RM377.61 juta yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM354.24 juta. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri memperoleh lebih dana berjumlah RM23.37 juta bagi membiayai perbelanjaannya. Lebih dana tersebut disokong oleh perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah Kerajaan Negeri. Lebih dana bagi tahun 2011 berkurang sejumlah RM22.99 juta atau 49.6% berbanding RM46.36 juta pada tahun 2010. Butiran Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti di **Jadual 4.34**.

**Jadual 4.34****Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Hasil:</b>					
1.	Hasil Cukai	119.65	120.44	0.79	0.7
2.	Hasil Bukan Cukai	153.55	176.28	22.73	14.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	79.89	80.89	1.0	1.2
<b>Jumlah Hasil</b>		<b>353.09</b>	<b>377.61</b>	<b>24.52</b>	<b>6.9</b>
<b>Perbelanjaan:</b>					
1.	Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan)	221.73	271.75	50.02	22.5
2.	Perbelanjaan Pembangunan	85.00	82.49	-2.51	-2.9
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>306.73</b>	<b>354.24</b>	<b>47.51</b>	<b>15.5</b>
<b>Lebihan/Kurangan</b>		<b>46.36</b>	<b>23.37</b>	<b>-22.99</b>	<b>-49.6</b>
<b>Lebihan Disokong Oleh:</b>					
1.	Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	46.36	23.37	-22.99	-49.6
<b>Jumlah Pembiayaan</b>		<b>46.36</b>	<b>23.37</b>	<b>-22.99</b>	<b>-49.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.2.** Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan sejumlah RM24.52 juta atau 6.9% iaitu daripada RM353.09 juta pada tahun 2010 kepada RM377.61 juta pada tahun 2011. Peningkatan hasil telah dapat menampung peningkatan perbelanjaan sejumlah RM47.51 juta atau 15.5% iaitu RM306.73 juta pada tahun 2010 kepada RM354.24 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM271.75 juta pada tahun 2011 (tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM36.69 juta) meningkat sejumlah RM50.02 juta atau 22.5% berbanding RM221.73 juta pada tahun 2010. Manakala perbelanjaan Pembangunan telah berkurangan sejumlah RM2.51 juta atau 2.9% menjadi RM82.49 juta pada tahun 2011 berbanding RM85 juta pada tahun 2010.

#### 4.9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, tunggakan hasil dan pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri.

#### 4.9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

**4.9.1.1.** Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Kerajaan Negeri. Pinjaman yang dikeluarkan kepada agensi-agensi tersebut dibiayai oleh sumber Kerajaan Negeri dan sumber Kerajaan Persekutuan. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2011 berbanding 2010 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

**Jadual 4.35**

**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Agensi	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Hutang		Perubahan	
			2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>1. Badan Berkanun Negeri</b>						
	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	59.43	47.11	43.70	-3.41	-7.2
	Yayasan Negeri Sembilan	4.90	0.46	0.00	-0.46	-100.0
<b>2. Pihak Berkuasa Tempatan</b>						
	Majlis Perbandaran Seremban	41.12	38.12	38.77	0.65	1.7
	Majlis Daerah Rembau	1.02	0.73	0.65	-0.08	-10.9
	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.60	0.42	0.36	-0.06	-14.3
<b>3. Badan Lain</b>						
	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	22.64	8.08	7.86	-0.22	-2.72
	Menteri Besar Incorporated	261.89	261.89	0.00	-261.89	-100.0
	<b>Jumlah</b>	<b>391.60</b>	<b>356.81</b>	<b>91.34</b>	<b>-265.47</b>	<b>-74.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.1.2.** Baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2011 berkurangan sejumlah RM265.47 juta atau 74.4% menjadi RM91.34 juta berbanding RM356.81 juta pada akhir tahun 2010. Baki ini merupakan baki pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan Imapro Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Menteri Besar Incorporated. Yayasan Negeri Sembilan dan Menteri Besar Incorporated telah berjaya melunaskan kesemua hutang dengan Kerajaan Negeri dalam tahun 2011. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

**Jadual 4.36**

**Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri  
Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Agenzi	Baki Pinjaman Boleh Dituntut Pada 31 Disember				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	53.46	51.47	49.37	47.11	43.70
2.	Yayasan Negeri Sembilan	2.26	1.66	1.11	0.46	0.00
3.	Majlis Perbandaran Seremban	38.12	38.12	38.12	38.12	38.77
4.	Majlis Daerah Rembau	0.95	0.87	0.80	0.73	0.65
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.60	0.54	0.48	0.42	0.36
6.	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	8.64	8.64	8.29	8.08	7.86
7.	Menteri Besar Incorporated	261.89	261.89	261.89	261.89	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>365.92</b>	<b>363.19</b>	<b>360.06</b>	<b>356.81</b>	<b>91.34</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.1.3.** Bayaran balik pinjaman oleh Agenzi Negeri pada tahun 2011 berjumlah RM273.32 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM266.20 juta merupakan bayaran balik pokok, manakala RM7.12 juta merupakan bayaran balik faedah. Majlis Perbandaran Seremban telah mula membuat bayaran balik pada tahun 2011 bagi pinjaman Penjadualan Semula Pinjaman Pembinaan Pasar Baru Seremban. Bagaimanapun Majlis Perbandaran Seremban masih belum membuat bayaran balik pinjaman bagi projek Rumah Pangsa Lobak manakala 2 pinjaman projek pembetungan najis tidak dibuat bayaran balik kerana akan diambil alih oleh Indah Water Konsortium. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh Agenzi bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

**Jadual 4.37**

**Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agenzi Kepada Kerajaan Negeri  
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Peminjam	Bayaran Balik Oleh Agenzi				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	1.23	2.47	2.84	2.80	4.08
2.	Yayasan Negeri Sembilan	0.60	0.60	0.55	0.65	0.46
3.	Majlis Perbandaran Seremban	0.00	0.00	0.00	0.00	0.10
4.	Majlis Daerah Rembau	0.07	0.08	0.07	0.07	0.07
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.00	0.06	0.06	0.06	0.06
6.	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.35	0.54	0.54
7.	Menteri Besar Incorporated	12.35	10.62	7.85	18.58	268.01
<b>Jumlah</b>		<b>14.25</b>	<b>13.83</b>	<b>11.72</b>	<b>22.70</b>	<b>273.32</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.1.4.** Pada akhir tahun 2011 tunggakan bayaran balik pinjaman yang belum dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM85.88 juta. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan bayaran pokok sejumlah RM64.12 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM21.76 juta. Tunggakan ini telah berkurangan sejumlah RM264.58 juta atau 75.5% berbanding RM350.46 juta pada akhir tahun 2010. Faktor utama yang menyumbang kepada penurunan tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi adalah kerana Menteri Besar Incorporated telah berjaya melunaskan kesemua tunggakan hutangnya sejumlah RM261.89 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.38**.

**Jadual 4.38**

**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut  
Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Peminjam	Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	50.36	51.49	51.49	50.30	47.84
2.	Yayasan Negeri Sembilan	0.00	0.00	0.05	0.00	0.00
3.	Majlis Perbandaran Seremban	5.41	5.86	35.78	38.27	38.04
4.	Majlis Daerah Rembau	0.01	0.00	0.00	0.00	0.00
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
6.	Menteri Besar Incorporated	0.00	1.73	6.23	261.89	0.00
7.	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	6.37	8.64	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>62.15</b>	<b>67.72</b>	<b>93.55</b>	<b>350.46</b>	<b>85.88</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.2. Pelaburan**


Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2011, pelaburan saham di Akaun Memorandum berjumlah RM1.0 juta. Pelaburan ini berkurangan sejumlah RM5.30 juta atau 84.1% berbanding RM6.30 juta pada tahun 2010. Penurunan mendadak ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri telah menjual kesemua sahamnya kecuali saham Amanah Bank Islam berjumlah RM1.0 juta. Kedudukan pelaburan saham di Akaun Memorandum Pelaburan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.39** dan **Carta 4.10**.

**Jadual 4.39**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Perihal Pelaburan	Tahun				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Petronas Dagangan Berhad	3.80	3.80	3.80	3.80	0.00
2.	Amanah Saham Bank Islam	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
3.	Telekom Malaysia Internasional Berhad	0.00	1.05	1.05	1.05	0.00
4.	Tenaga Nasional Berhad	0.00	0.45	0.45	0.45	0.00
5.	Lain-lain Pelaburan	1.82	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>6.62</b>	<b>6.30</b>	<b>6.30</b>	<b>6.30</b>	<b>1.00</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.10**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.9.3. Tunggakan Hasil

**4.9.3.1.** Akaun Belum Terima merupakan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada bil, invois dan sebagainya. Pada tahun 2011, tunggakan hasil bagi 17 pemungut hasil berjumlah RM145.02 juta iaitu meningkat sejumlah RM10.23 juta atau 7.6% berbanding RM134.79 juta pada tahun 2010. Kedudukan tunggakan hasil bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

**Jadual 4.40**  
**Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah	45.10	47.81	2.71	6.0
2.	Jualan Air	54.38	54.38	0.00	0.0
3.	Badan Kawal Selia Air	34.22	41.83	7.61	22.2
4.	Lain-lain Hasil	1.09	1.00	-0.09	-8.2
<b>Jumlah</b>		<b>134.79</b>	<b>145.02</b>	<b>10.23</b>	<b>7.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.3.2.** Pada keseluruhannya jumlah tunggakan hasil Pejabat Tanah menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.71 juta atau 6% kepada RM47.81 juta berbanding RM45.10 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan oleh tunggakan cukai tanah yang belum dilunaskan oleh pembayar cukai. Tunggakan hasil Jualan Air berjumlah RM54.38 juta yang diambil alih oleh Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dari Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan pada tahun 2009 belum membuat sebarang pembayaran kepada Kerajaan Negeri. Tunggakan hasil Badan Kawal Selia Air berjumlah RM41.83 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.61 juta atau 22.2% pada tahun 2011. Tunggakan Badan Kawal Selia Air ini terdiri daripada caj air mentah berjumlah RM21.83 juta dan tunggakan *guaranteed payment* bagi tempoh tahun 2009 hingga 2010 berjumlah RM20.00 juta. Bagaimanapun mulai tahun 2011, SAINS telah dikecualikan daripada *guaranteed payment* sejumlah RM10 juta setahun oleh Pihak Berkuasa Negeri.


**4.9.3.3.** Bagi tempoh tahun 2007 hingga tahun 2011 sejumlah RM39.74 juta tunggakan hasil Pejabat Tanah telah dihapus kira. Hapus kira tunggakan hasil ini dilakukan selepas aktiviti pembersihan data yang melibatkan kes hak milik yang bertindih dan pengeluaran Notis 8A (Perintah Perampasan Tanah). Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri Sembilan bagi tempoh tahun 2007 hingga tahun 2011 yang terus meningkat dan maklumat hapus kira tunggakan hasil mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 4.41** dan **Carta 4.11**.

**Jadual 4.41**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah	31.44	69.27	52.76	45.10	47.81
2.	Jualan Air	26.16	65.94	54.38	54.38	54.38
3.	Badan Kawal Selia Air	0.00	0.00	0.00	34.22	41.83
4.	Lain-lain Hasil	1.25	1.25	1.03	1.09	1.00
<b>Jumlah</b>		<b>58.85</b>	<b>136.46</b>	<b>108.17</b>	<b>134.79</b>	<b>145.02</b>
<b>Jumlah Hapus kira Tunggakan Hasil bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 = RM39.74 juta</b>						
<b>Hapus kira Tunggakan Hasil Mengikut Tahun</b>		<b>7.71</b>	<b>9.22</b>	<b>3.41</b>	<b>4.73</b>	<b>14.67</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.11**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.9.4. Hutang Kerajaan Negeri

**4.9.4.1.** Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2011, baki hutang Kerajaan Negeri telah berkurangan sejumlah RM120.83 juta atau 7.7% kepada RM1.44 bilion berbanding RM1.56 bilion pada tahun 2010. Baki berjumlah RM1.44 bilion tersebut adalah merupakan baki pinjaman pokok Projek Bekalan Air yang belum diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan baki pinjaman yang belum dijelaskan oleh Kerajaan Negeri bagi Rumah Awam Kos Rendah, Projek Perbadanan Kemajuan Negeri dan Projek Pelbagai. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2011

berbanding tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.42**. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

**Jadual 4.42**

**Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2011 Berbanding 2010**

Bil.	Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,034.67	1,188.33	153.66	14.8
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	108.32	101.13	-7.19	-6.6
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	29.81	28.64	-1.17	-3.9
4.	Projek Ladang Hutan	1.18	0.00	-1.18	-100.0
5.	Pelbagai	387.37	122.42	-264.95	-68.4
<b>Jumlah</b>		<b>1,561.35</b>	<b>1,440.52</b>	<b>-120.83</b>	<b>-7.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.43**

**Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,337.07	1,619.05	1,866.63	1,034.67	1,188.33
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	114.01	112.57	109.75	108.32	101.13
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	32.86	32.86	32.86	29.81	28.64
4.	Projek Ladang Hutan	1.88	1.60	1.37	1.18	0.00
5.	Pelbagai	363.02	372.55	387.08	387.37	122.42
<b>Jumlah</b>		<b>1,848.84</b>	<b>2,138.63</b>	<b>2,397.69</b>	<b>1,561.35</b>	<b>1,440.52</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


**4.9.4.2.** Pada akhir tahun 2011 pinjaman Bekalan Air dan jumlah tunggakan yang masih belum diambil alih oleh PAAB masing-masing berjumlah RM1,188.33 juta dan RM23.89 juta. Kelewatan proses pengambilalihan aset air oleh PAAB adalah disebabkan isu pengambilalihan tanah dan penilaian aset air secara terperinci yang belum selesai. Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM285.98 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Bayaran balik ini terdiri daripada bayaran balik anuiti semasa berjumlah RM284.30 juta dan bayaran tunggakan pinjaman sejumlah RM1.68 juta. Sehingga akhir tahun 2011, tunggakan bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM212.77 juta. Tunggakan ini terdiri daripada tunggakan pokok berjumlah RM169.46 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM43.31 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 yang semakin menurun adalah seperti di **Jadual 4.44** dan **Carta 4.12**. Manakala butiran tunggakan bayaran balik Hutang Kerajaan Negeri di bawah tajuk Pelbagai adalah seperti di **Jadual 4.45**.

**Jadual 4.44**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri**  
**Pada Tahun 2007 Hingga 2011**

Bil.	Pinjaman	Tunggakan				
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	210.28	283.96	348.62	18.87	23.89
2.	Perumahan Awam kos Rendah	51.37	63.46	73.89	89.05	101.97
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	27.99	30.37	31.98	31.00	29.39
4.	Projek Ladang Hutan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
5.	Pelbagai	39.33	46.97	51.78	309.43	57.52
<b>Jumlah</b>		<b>328.97</b>	<b>424.76</b>	<b>506.27</b>	<b>448.35</b>	<b>212.77</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.12**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri**  
**Pada Tahun 2007 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.45**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri Di Bawah Pinjaman Pelbagai Pada Tahun 2011**

Bil.	Pinjaman	(RM Juta)
1.	Projek Pembetungan Najis Bandar Seremban	29.93
2.	Keperluan Menangani Masalah Y2K	2.90
3.	Projek Penyediaan Kemudahan Infrastruktur Sukan Negeri Sembilan	18.86
4.	Membaik Pulih Istana-istana Milik Kerajaan Negeri	5.83
<b>Jumlah</b>		<b>57.52</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

**4.10.1.** Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2011 adalah baik. Baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM30.79 juta atau 9.6% kepada RM350.77 juta pada tahun 2011 berbanding RM319.98 juta pada tahun 2010. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus sejumlah RM69.17 juta berbanding RM62.36 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM17.71 juta atau 6.1% kepada RM308.44 juta berbanding RM290.73 juta pada tahun 2010. Akaun Kena Bayar juga turut berkurangan pada tahun 2011 sejumlah RM1.78 juta atau 40.1% kepada RM2.66 juta berbanding RM4.44 juta pada tahun 2010. Baki pinjaman boleh dituntut pula berkurangan sejumlah RM265.47 juta atau 74.4% kepada RM91.34 juta pada tahun 2011 berbanding RM356.81 juta pada tahun 2010. Baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (termasuk Projek Bekalan Air) menurun dari RM1.56 bilion pada tahun 2010 menjadi RM1.44 bilion. Tunggakan bayaran balik juga menurun kepada RM212.77 juta berbanding RM448.35 juta pada tahun 2010. Manakala tunggakan hasil bagi tahun 2011 berjumlah RM145.02 juta meningkat sejumlah RM10.23 juta atau 7.6% berbanding RM134.79 juta pada tahun 2010.

**4.10.2.** Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan Kerajaan Negeri, adalah disyorkan Kerajaan Negeri meneruskan amalan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Usaha memungut tunggakan hasil berjumlah RM145.02 juta dan menuntut tunggakan pinjaman daripada Agensi Negeri berjumlah RM85.88 juta hendaklah diteruskan.



# Bahagian III

## Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri

**BAHAGIAN III**  
**RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

## 5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

**5.1.** Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Sembilan untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Sembilan ke arah mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

**5.2.** Bagi menjayakan RMKe-10, Kerajaan Negeri telah meluluskan siling peruntukan sejumlah RM780.0 juta bagi tempoh 2011 hingga 2015 untuk melaksanakan sebanyak 572 projek yang dirancang. Sejumlah RM50.0 juta merupakan peruntukan bagi program Perkhidmatan Masyarakat kepada Pejabat Menteri Besar dan sejumlah RM730.0 juta lagi diperuntukkan kepada 7 Jabatan bagi projek pembangunan. Peruntukan yang diagihkan di bawah RMKe-10 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10**

Bil.	Jabatan	Peruntukan RMKe-10 (RM Juta)	Jumlah Projek Dirancang
1.	Pejabat Menteri Besar*	50.00	-
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	499.00	342
3.	Jabatan Pertanian	30.00	60
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	27.00	40
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	53.00	32
6.	Jabatan Kerja Raya	60.00	10
7.	Jabatan Perhutanan	16.00	60
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	45.00	28
<b>Jumlah</b>		<b>780.00</b>	<b>572</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota : Peruntukan Jabatan bertanda (\*) bukan untuk projek pembangunan

### 5.2.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2011

Analisis Audit mendapati anggaran peruntukan yang diluluskan pada akhir tahun 2011 adalah sejumlah RM94.95 juta. Jumlah ini terdiri daripada RM88.75 juta di bawah peruntukan langsung dan RM6.20 juta di bawah peruntukan pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah daripada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun pada tahun 2011 tiada pinjaman diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud projek pembangunan Perumahan Awam Kos Rendah. Pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2011 berbanding peruntukan tahunan yang diterima bagi setiap Jabatan adalah antara 82.3% hingga 100%. Pada keseluruhannya, sejumlah RM82.49 juta atau 92.9% telah dibelanjakan di bawah peruntukan langsung sejumlah RM88.75 juta dalam tahun 2011 seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Pencapaian Perbelanjaan RMKe-10 Mengikut Jabatan Bagi Tahun 2011**

Bil.	Jabatan	Jumlah Peruntukan Diterima (RM Juta) (a)	Jumlah Perbelanjaan Sebenar (RM Juta) (b)	Pencapaian (%) (c)=(b)/(a)
1.	Pejabat Menteri Besar*	10.00	9.99	99.9
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	34.94	31.65	90.6
3.	Jabatan Pertanian	4.50	4.50	100.0
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.53	5.53	100.0
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	12.50	11.90	95.20
6.	Jabatan Kerja Raya	11.78	10.82	91.8
7.	Jabatan Perhutanan	3.00	2.47	82.3
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	6.50	5.63	86.6
<b>Jumlah</b>		<b>88.75</b>	<b>82.49</b>	<b>92.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota : Peruntukan Jabatan bertanda (\*) bukan untuk projek pembangunan

## 5.2.2. Pencapaian Fizikal Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2011

Pada tahun 2011 sebanyak 219 projek pembangunan telah dirancang untuk dilaksanakan. Sebanyak 216 projek merupakan projek yang dirancang di bawah RMKe-10 manakala 3 projek lagi adalah projek tahun 2010 yang dilaksanakan dalam tahun 2011. Sehingga 31 Disember 2011, sejumlah 213 projek atau 97.3% daripada 219 projek telah disiapkan dan baki 6 projek lagi sedang dilaksanakan. Enam projek tersebut adalah 5 projek di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan satu projek Pembinaan Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Pilah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam seperti berikut:

### 5.2.2.1. Projek Tahun 2011 Dilanjutkan Ke Tahun 2012

#### a. Projek Jabatan Agama Islam

Projek pembinaan Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Pilah dilaksanakan dalam tahun 2011 dengan belanja RM0.20 juta dan bagi tahun 2012 diperuntukkan RM2.3 juta. Setakat 7 April 2012 projek ini berada di peringkat akhir reka bentuk oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan.

#### b. Projek Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

- i. Projek pemasangan tiang lampu luar bandar dilaksanakan dalam tahun 2011 dengan peruntukan RM0.10 juta dan akan disambung tahun 2012 dengan peruntukan RM0.10 juta juga.
- ii. Sistem *e-punch card* hanya akan selesai pada tahun 2012 dan sebanyak RM118,500 telah dibelanjakan dalam tahun 2011.
- iii. Perolehan perkakasan komputer peribadi, *notebook* dan pencetak untuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri diselesaikan dalam bulan Januari 2012. Sejumlah RM0.43 juta telah dibelanjakan dalam tahun 2011.

- iv. Generic Office Environment (GOE)- Electronic Government Document Management System dijangka selesai Final Acceptance Test dalam tahun 2012. Sejumlah RM0.2 juta telah dibelanjakan tahun 2011.
- v. Projek Pembinaan Laluan Denai di Pusat Pelancongan Pendidikan Hutan Simpan Kekal Sungai Menyala, Port Dickson telah membelanjakan sebanyak RM0.87 juta dalam tahun 2011. Projek ini tidak dapat disiapkan dalam tahun 2011 kerana faktor cuaca di mana hujan ribut telah menyebabkan banyak pokok tumbang dan beberapa struktur yang dibina musnah. Baki keperluan projek sebanyak RM0.16 juta telah disediakan dalam tahun 2012.


**5.2.2.2.** Pencapaian pelaksanaan projek bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

**Jadual 5.3**  
**Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Bagi Tahun 2011**  
**Mengikut Jabatan/Pejabat**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Projek Fizikal			
		Projek Dirancang	Sedang Laksana	Siap	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	75	5	70	93.3
2.	Jabatan Pertanian	11	-	11	100.0
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8	-	8	100.0
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	49	-	49	100.0
5.	Jabatan Kerja Raya	22	-	22	100.0
6.	Jabatan Perhutanan	8	-	8	100.0
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	46	1	45	97.8
<b>Jumlah</b>		<b>219</b>	<b>6</b>	<b>213</b>	<b>97.3</b>

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri

**Carta 5.1**  
**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Pada Tahun 2011**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

### 5.3. RUMUSAN

Secara keseluruhannya pelaksanaan projek pembangunan oleh Kerajaan Negeri Sembilan di bawah RMKe-10 pada tahun 2011 adalah baik di mana sebanyak 213 projek atau 97.3% daripada 219 projek telah dapat disiapkan. Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan juga adalah baik kerana sejumlah RM82.49 juta atau 92.9% telah dibelanjakan berbanding peruntukan langsung tahun 2011 berjumlah RM88.75 juta. Bagi memudahkan pemantauan dan analisis oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan yang terlibat perlu menyediakan maklumat terperinci berbanding perbelanjaan sebenar bagi setiap projek pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan.



## Bahagian IV

### Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri

**BAHAGIAN IV**  
**PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN/AGENSI NEGERI**

**6. PENDAHULUAN**

**6.1.** Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**6.2.** Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

**7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

Pada tahun 2010, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri dan usaha ini dipertingkatkan lagi dalam tahun 2011. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

**7.1.** Bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu program Pengauditan Kendiri Pengurusan Kewangan (*Self Auditing*) secara dalam talian melalui Sistem Rating NS yang boleh dicapai dari alamat <http://publicapps.ns.gov.my>. Pengauditan Kendiri ini telah mula dilaksanakan mulai 21 Oktober 2010 setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri. Dalam tahun 2011 sebanyak 35 daripada 36 Jabatan/Agensi telah melaksanakan Pengauditan Kendiri secara dalam talian. Hasil keputusan yang dikemukakan adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Markah Bagi Program Pengauditan Kendiri (*Self Auditing*)**  
**Pengurusan Kewangan Tahun 2011**

Bil. Jabatan/Agenси/BBN/PBT	Markah	Bintang
19	90 – 100	4
14	70 – 89	3
2	50 – 69	2
-	49 Kebawah	
<b>35</b>		

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**7.2.** Bagi meningkatkan tahap akauntabiliti dan pematuhan terhadap prosedur kewangan, pihak Kerajaan Negeri Sembilan turut mewujudkan beberapa pasukan naziran di bawah Pejabat Kewangan Negeri. Antara pasukan naziran yang diwujudkan adalah pasukan Naziran SPEKS, Naziran Deposit, Naziran Unit Akaun dan Naziran Unit Audit Tunai. Pada tahun 2011 sebanyak 84 Lawatan Naziran dan 82 Lawatan Susulan telah dilakukan ke atas semua Pejabat/Jabatan Kerajaan Negeri.

**7.3.** Bagi memastikan pengurusan kewangan di semua Pusat Tanggungjawab dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan, Pejabat Kewangan Negeri telah mengeluarkan 3 pekeliling pada tahun 2011 seperti berikut :

**7.3.1.** Pekeling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Bil. 1 Tahun 2011 : Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Belanjawan Tahun 2012.

**7.3.2.** Pekeling Pejabat Kewangan, Negeri Sembilan Bil. 2 Tahun 2011 : Garis Panduan Penandaan Aset Alih Bagi Jabatan/Agenси Kerajaan Negeri Sembilan

**7.3.3.** Pekeling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Bil. 3 Tahun 2011: Peraturan Dan Kadar Bekalan Pakaian Seragam Bagi Jabatan/Agenси Kerajaan Negeri Sembilan

## **8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI)**

**8.1.** Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agenси Negeri. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agenси Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti** sejak tahun 2007. Jabatan/Agenси Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agenси Negeri yang lain.

**8.2.** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah

Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

### **8.3. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 8.3.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 8.3.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil; perbelanjaan; pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit; aset dan stor; pelaburan serta pinjaman.
- 8.3.3.** Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.3.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

### **8.4. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pada tahun 2011, pengauditan telah dijalankan di 8 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 3 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Kewangan Negeri Sembilan, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Mulai tahun 2011, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga adalah termasuk dalam kategori Jabatan yang perlu diaudit setiap

tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2011 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agenzi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2011 dan Penyata Kewangan Agenzi Negeri Tahun 2010, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri secara menyeluruh.

## **8.5. KAWALAN UTAMA**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 7 Jabatan bagi tahun 2011 adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Negeri dan Agenzi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dinilai. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

### **8.5.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **8.5.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a.** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepermula yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b.** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c.** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d.** Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh

yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

#### **8.5.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

#### **8.5.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

##### **a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

### **b. Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agenzi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

### **c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 4 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

#### **8.5.1.4. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agenzi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

#### **8.5.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agenzi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan

peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

#### **8.5.2.1. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agenzi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Bil.1 Tahun 2010 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Belanjawan Tahun 2011). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

#### **8.5.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2011 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **8.5.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **8.5.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan

mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

#### **8.5.2.5. Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **8.5.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **8.5.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **8.5.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

#### **8.5.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan

oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

#### **8.5.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Pejabat Kewangan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **8.5.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

### **8.5.4. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

#### **8.5.4.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

#### **8.5.4.2. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

#### **8.5.4.3. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

#### **8.5.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **8.5.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

##### **8.5.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

##### **8.5.5.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

## **8.5.6. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

### **8.5.6.1. Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

### **8.5.6.2. Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terimaan Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

### **8.5.6.3. Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

#### **8.5.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **8.5.6.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

#### **8.5.6.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

#### **8.5.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada

Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.

- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

#### **8.5.7. Pengurusan Pelaburan**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

#### **8.5.8. Pengurusan Pinjaman**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

#### **8.5.9. Penyata Kewangan**

Kerajaan Negeri Sembilan telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 31 Mac setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Arahan ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stake holders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 8.6. PENEMUAN AUDIT

### 8.6.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan


Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2011 telah menunjukkan peningkatan bertambah baik berbanding dengan tahun 2010. Pada tahun 2011 sebanyak 6 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap sangat baik berbanding 2 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2010. Manakala 6 daripada 12 Jabatan/Agensi Negeri yang berada pada tahap baik dengan markah keseluruhan antara 85.67% dan 89.05%. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**, manakala tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2011 adalah seperti di **Carta 8.1**.

**Jadual 8.2**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Tahap Penarafan	Jabatan/Agensi Negeri				
	2007	2008	2009	2010	2011
Sangat Baik	0	2	4	2	6
Baik	6	10	9	11	6
Memuaskan	0	0	0	0	0
Tidak Memuaskan	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>12</b>	<b>13</b>	<b>13</b>	<b>12</b>

Sumber : Jabatan Audit Negara

**Carta 8.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2011**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## **8.6.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama**

### **8.6.2.1. Jabatan Negeri**


Semakan Audit di peringkat Jabatan merangkumi 6 kawalan iaitu kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Pada tahun 2011 terdapat 7 Jabatan yang diaudit iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol. Semakan terhadap Kawalan Pengurusan di 7 Jabatan tersebut mendapati 3 Jabatan mencatatkan tahap sangat baik, 3 Jabatan memperoleh tahap baik dan satu Jabatan mencatat tahap memuaskan. Bagi Kawalan Bajet pula kesemua 7 Jabatan memperoleh tahap sangat baik. Bagi Kawalan Terimaan dan Perbelanjaan sebanyak 6 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan satu Jabatan pada tahap baik. Bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit pula 5 Jabatan berada pada tahap sangat baik dan 2 Jabatan pada tahap baik. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, daripada 7 Jabatan hanya 2 Jabatan berada pada tahap sangat baik manakala 3 Jabatan pada tahap baik, satu Jabatan pada tahap memuaskan dan satu Jabatan lagi tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2.**

**8.6.2.2.** Kelemahan-kelemahan yang menyebabkan **satu** Jabatan mencapai tahap **tidak memuaskan** di bawah **Pengurusan Aset Dan Stor** adalah seperti berikut :

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak diadakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- b. Pegawai Stor, Pegawai Penerima Aset dan Stor tidak dilantik.
- c. Borang Terimaan Barang (Kew. PS-1) tidak disediakan.
- d. Daftar Harta Modal dan Inventori (Kew. PA-2 & 3) tidak kemas kini.
- e. Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori (Kew. PA 6) tidak disediakan.
- f. Pegawai Pemeriksa Stor tidak dilantik.
- g. Pemeriksaan Stor Utama tidak dijalankan.
- h. Buku Log kenderaan tidak kemas kini.
- i. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak diselenggarakan.

**Carta 8.2**

**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Jabatan Tahun 2011**




Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 8.6.2.3. Pejabat Kewangan Negeri Dan Agensi Negeri

Semakan Audit di peringkat Pejabat Kewangan Negeri dan Agensi Negeri merangkumi 9 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan. Kawalan Pengurusan, Bajet dan Terimaan bagi Pejabat Kewangan Negeri dan 4 Agensi Negeri adalah pada tahap sangat baik. Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit di Pejabat Kewangan Negeri dan 2 Agensi adalah pada tahap sangat baik manakala 2 Agensi lagi pada tahap baik. Pengurusan Pelaburan hanya melibatkan Pejabat Kewangan dan 3 Agensi Negeri adalah pada tahap sangat baik. Tahap pencapaian Pengurusan Pinjaman oleh Pejabat Kewangan Negeri adalah pada tahap memuaskan manakala 2 Agensi Negeri pada tahap baik. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, Pejabat Kewangan Negeri mencapai tahap sangat baik manakala 3 Agensi Negeri mencapai tahap baik dan satu Agensi pada tahap memuaskan. Manakala Pengurusan Penyata Kewangan adalah sangat baik bagi Pejabat Kewangan Negeri dan 3 Agensi Negeri sementara satu Agensi mencapai tahap baik. Maklumat lanjut adalah seperti di **Carta 8.3**.

**Carta 8.3**

**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Pejabat Kewangan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2011**




Sumber: Jabatan Audit Negara

### 8.6.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

**8.6.3.1.** Analisis Audit terhadap Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan setiap tahun bagi tempoh 2007 hingga 2011, mendapati peratus pencapaian setiap Jabatan/Agensi semakin meningkat setiap tahun. Pejabat Kewangan Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah mencatatkan prestasi pengurusan kewangan yang sangat baik untuk 4 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2008 hingga 2011. Peningkatan dan keupayaan mengekalkan tahap sangat baik adalah dari hasil usaha Ketua Jabatan dan kerjasama kakitangan Jabatan/Agensi yang proaktif terhadap teguran Audit dan sentiasa peka dan mematuhi peraturan dan pekeliling berkaitan pengurusan kewangan. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan pula telah memperoleh tahap prestasi pengurusan kewangan yang baik bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2011. Antara sebab Agensi ini masih tidak memperoleh tahap prestasi sangat baik adalah kerana masih wujud kelemahan dalam pengurusan aset dan stor, pengurusan bayaran balik pinjaman serta penyerahan penyata kewangan untuk diaudit melepas tarikh 30 April (Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007). Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang diaudit setiap tahun bagi tempoh 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 8.4.**

**Carta 8.4**


**Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tempoh 2007 Hingga 2011**



Sumber : Jabatan Audit Negara

**8.6.3.2.** Semua Jabatan/Agensi Negeri yang telah melengkapi pusingan 3 tahun pengauditan menunjukkan peningkatan markah pada tahun 2011. Lima Jabatan/Agensi yang diaudit pada tahun 2011 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2008. Sementara Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding pada tahun 2007. Manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan baru pertama kali diaudit pada tahun 2011. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang diaudit 3 tahun sekali adalah seperti di **Carta 8.5**.

**Carta 8.5**  
**Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**  
**Tahun 2011 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya**



Sumber : Jabatan Audit Negara

## 9. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan Audit mengejut di 21 Jabatan/Agensi Negeri seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Jabatan/PTJ/Agenzi Negeri Yang Dijalankan**  
**Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2011**

Bil.	Jabatan/PTJ/Agenzi Negeri
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Port Dickson
2.	Pejabat Agama Islam Daerah Tampin
3.	Pejabat Pertanian Daerah Rembau
4.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jelebu
5.	Jabatan Kehakiman Syariah Daerah Port Dickson
6.	Jabatan Kerja Raya Daerah Port Dickson
7.	Jabatan Perhutanan Daerah Negeri Sembilan Barat
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Daerah Rembau
9.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Pilah
10.	Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
11.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan
12.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau
13.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson
14.	Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan
15.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban
16.	Majlis Daerah Rembau
17.	Majlis Daerah Kuala Pilah
18.	Majlis Perbandaran Nilai
19.	Majlis Perbandaran Seremban
20.	Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
21.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 9.1. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 9.2**.

**Jadual 9.2**  
**Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2011**

Bil.	Isu Audit	Jabatan/PTJ/Agenzi Negeri
1.	Surat penurunan kuasa kewajipan mengurus kewangan dan perakaunan tidak disediakan/tidak disimpan sesalinan di Pejabat.	i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson ii) Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
2.	Manual Prosedur Kerja tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini/tidak disimpan sesalinan di Pejabat.	i) Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan ii) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban iii) Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
3.	Fail Meja/Senarai Tugas tidak disediakan/tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i) Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan ii) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban

Bil.	Isu Audit	Jabatan/PTJ/Agensi Negeri
4.	Kekosongan jawatan tidak diisi.	iii) Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
5.	Daftar Fail/fail tidak diselenggarakan/tidak teratur.	i) Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan i) Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
6.	Resit Rasmi lewat dikeluarkan/lewat direkodkan ke dalam Buku Tunai.	i) Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jelebu ii) Pejabat Pertanian Daerah Rembau
7.	Akaun Tunai Bulanan lewat dikemukakan.	i) Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jelebu
8.	Daftar Mel tidak lengkap dan kemas kini.	i) Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan
9.	Terimaan melalui mel tidak dikeluarkan resit pada hari yang sama.	i) Majlis Perbandaran Nilai
10.	Peti besi ditempatkan di ruang pejabat yang mana biliknya tidak dikunci.	i) Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
11.	Peti besi tidak digunakan/kunci peti besi hilang.	i) Pejabat Pertanian Daerah Rembau
12.	Wang tunai dalam jumlah yang banyak disimpan di Pejabat.	i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban
13.	Daftar setem tidak lengkap dan kemas kini.	i) Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Port Dickson
14.	Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan pada setiap akhir bulan.	i) Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Pilah ii) Jabatan Kehakiman Syariah Daerah Rembau iii) Jabatan Kehakiman Syariah Daerah Port Dickson
15.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan/tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan.	i) Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan ii) Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jelebu iii) Pejabat Pertanian Daerah Rembau iv) Pejabat Agama Islam Daerah Tampin
16.	Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan dengan lengkap.	i) Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan
17.	Buku Vot tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini/ditulis menggunakan pensel/tidak ada bukti disemak.	i) Lembaga Muzium Negeri Sembilan
18.	Daftar Bil tidak diselenggarakan.	i) Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
19.	Bayaran Bantuan Kebajikan Am tanpa kelulusan pegawai bertanggungjawab.	i) Pejabat Baitulmal Daerah Kuala Pilah
20.	Tidak ada surat kelulusan jumlah Panjar Wang Runcit yang diluluskan/surat kelulusan tidak menyatakan jumlah Panjar yang diluluskan .	i) Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jelebu ii) Pejabat Pertanian Daerah Rembau
21.	Rekupmen Panjar Wang Runcit lewat dibuat.	i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban ii) Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jelebu
22.	Sijil Pengesahan Panjar Pada Akhir Tahun tidak disediakan.	i) Majlis Perbandaran Nilai ii) Jabatan Kerja Raya Daerah Port Dickson
23.	Lejar Akaun Deposit tidak diselenggarakan dengan lengkap/kemas kini.	i) Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
24.	Senarai baki deposit pada akhir tahun tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.	i) Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Pilah
25.	Deposit tidak dituntut melebihi 12 bulan belum diwartakan.	i) Majlis Perbandaran Nilai
26.	Daftar Aset tidak diselenggarakan dengan lengkap/kemas kini.	i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson

Bil.	Isu Audit	Jabatan/PTJ/Agensi Negeri
27.	Aset tidak dilabel Hak Milik Kerajaan.	i) Jabatan Perhutanan Daerah Negeri Sembilan Barat
28.	Fail pelupusan aset tidak diselenggarakan.	i) Jabatan Perhutanan Daerah Negeri Sembilan Barat
29.	Stok bekalan pejabat tidak disusun dengan teratur dan baki fizikal berbeza dengan rekod.	i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban
30.	Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini/tidak disemak.	i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson ii) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban
31.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan.	i) Jabatan Perhutanan Daerah Negeri Sembilan Barat

Sumber: Jabatan Audit Negara

**9.2.** Ketua Jabatan/PTJ/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dibangkitkan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

### 9.3. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2011 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

**9.3.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

**9.3.2.** Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bilangan pegawai yang mencukupi ditempatkan di Unit Audit Dalam supaya Unit tersebut dapat berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan bagi membantu menangani masalah pengurusan kewangan.

**9.3.3.** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sewajarnya mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

**9.3.4.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau tahap pematuhan kepada peraturan dan pekeliling yang ditetapkan berkaitan pengurusan aset dan stor.

**9.3.5.** Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal membuat bayaran secara teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

**9.3.6.** Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

**9.3.7.** Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan hendaklah berfungsi dengan lebih berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991.



# Bahagian V

## Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

## **10. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri seperti Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang *material* serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

### **10.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

**10.1.1.** Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2011, terdapat 5 Badan Berkanun Negeri, 8 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam tertakluk di bawah pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, penyata kewangan 4 Badan Berkanun Negeri dan 8 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

**10.1.2.** Bagi penyata kewangan yang diaudit oleh Firma Audit Swasta, Jabatan Audit Negara akan memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan bagi memastikan ianya selaras dengan arahan yang ditetapkan. Sebelum pengauditan dilaksanakan, Firma Audit Swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan Firma Audit Swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan.

**10.1.3.** Lawatan oleh Juruaudit Jabatan Audit Negara ke pejabat Agensi semasa pengauditan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta juga dilakukan bagi memastikan pasukan Audit yang terlibat terdiri daripada pegawai yang berkelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Perancangan Audit. Semasa lawatan, Juruaudit Jabatan Audit Negara telah berbincang dengan pihak Firma Audit Swasta mengenai perkara berbangkit semasa pengauditan dilaksanakan. Perbincangan ini membolehkan perkara berbangkit yang kurang *material* dapat diselesaikan. Pada akhir pengauditan, Firma Audit Swasta dikehendaki mengemukakan penemuan audit berserta fail kerja, laporan terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak

untuk memastikan perkara *material* dibangkitkan dan bukti audit adalah mencukupi serta memuaskan. Setiap akhir tahun, prestasi semua Firma Audit Swasta akan dinilai dan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

## **10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan hendaklah diserahkan kepada Ketua Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan. Pada keseluruhannya, penyerahan penyata kewangan oleh Agensi adalah baik di mana 12 daripada 14 penyata kewangan tahun 2011 telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara sehingga 16 Mei 2012. Daripada jumlah tersebut, 8 adalah daripada Pihak Berkuasa Tempatan manakala 3 daripada Badan Berkanun Negeri dan 1 daripada Majlis Agama Islam. Kedudukan penyerahan penyata kewangan sehingga 16 Mei 2012 bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 10.1**.

**Jadual 10.1**

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Setakat 16 Mei 2012**

Bil.	Agensi	Penyata Kewangan Telah Disahkan (Tahun)	Penyata Kewangan Sedang Diaudit (Tahun)	Penyata Kewangan Belum Diterima (Tahun)
<b>A. Badan Berkanun Negeri</b>				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2010	-	2011
2.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	2010	2011	-
3.	Majlis Sukan Negeri Sembilan	2010	2011	-
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2010 & 2011	-	-
5.	Yayasan Negeri Sembilan	2010	-	2011
<b>B. Majlis Agama Islam</b>				
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2010	2011	
<b>C. Pihak Berkuasa Tempatan</b>				
1.	Majlis Perbandaran Seremban	2010	2011	
2.	Majlis Perbandaran Nilai	2010	2011	
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson	2010	2011	
4.	Majlis Daerah Kuala Pilah	2010	2011	
5.	Majlis Daerah Jelebu	2010	2011	
6.	Majlis Daerah Jempol	2010	2011	
7.	Majlis Daerah Rembau	2010	2011	
8.	Majlis Daerah Tampin	2010	2011	
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>11</b>	<b>2</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

Sehingga 16 Mei 2012, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 14 penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 dan satu penyata kewangan bagi tahun 2011. Sebanyak 15 Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan iaitu 6 penyata kewangan Badan

Berkanun Negeri, 8 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan satu penyata kewangan Majlis Agama Islam. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah mendahului lain-lain Agensi kerana menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2011 lebih awal dan telah mendapat Sijil Tanpa Teguran pada 21 Mac 2012. Maklumat lanjut mengenai kedudukan persijilan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**

**Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Agensi Setakat 16 Mei 2012**

Bil.	Agensi	Tahun Penyata	Jenis Sijil Audit
<b>A. Badan Berkanun Negeri</b>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2010	Tanpa Teguran
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2010 & 2011	Tanpa Teguran
3.	Yayasan Negeri Sembilan	2010	Tanpa Teguran
4.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	2010	Tanpa Teguran
5.	Majlis Sukan Negeri Sembilan	2010	Tanpa Teguran
<b>B. Majlis Agama Islam</b>			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2010	Tanpa Teguran
<b>C. Pihak Berkuasa Tempatan</b>			
1.	Majlis Perbandaran Seremban	2010	Tanpa Teguran
2.	Majlis Perbandaran Nilai	2010	Tanpa Teguran
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson	2010	Tanpa Teguran
4.	Majlis Daerah Tampin	2010	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	2010	Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Jelebu	2010	Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Jempol	2010	Tanpa Teguran
8.	Majlis Daerah Rembau	2010	Tanpa Teguran
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya Penyata Kewangan yang diperakui oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Sehingga 16 Mei 2012, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 mengenai 14 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah mendahului lain-lain Agensi kerana Penyata Kewangan Tahun 2011 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 24 April 2012. Kedudukan pembentangan penyata kewangan adalah seperti di **Jadual 10.3**.

**Jadual 10.3**

**Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Yang Dibentangkan Sehingga 16 Mei 2012**

Bil.	Agensi	Penyata Kewangan Terakhir Dibentangkan	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
<b>A. Badan-Badan Berkanun Negeri</b>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2010	12.10.2011
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2010 2011	12.04.2011 21.03.2012
3.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	2010	14.07.2011
4.	Majlis Sukan Negeri Sembilan*	-	27.07.2011
5.	Yayasan Negeri Sembilan	2010	23.09.2011
<b>B. Majlis Agama Islam</b>			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2010	22.07.2011
<b>C. Pihak Berkuasa Tempatan</b>			
1.	Majlis Perbandaran Seremban	2010	13.06.2011
2.	Majlis Perbandaran Nilai	2010	27.07.2011
3.	Majlis Perbandaran Port Dickson	2010	30.06.2011
4.	Majlis Daerah Tampin	2010	05.07.2011
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	2010	30.06.2011
6.	Majlis Daerah Jelebu	2010	04.07.2011
7.	Majlis Daerah Jempol	2010	29.07.2011
8.	Majlis Daerah Rembau	2010	28.06.2011
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) Majlis Sukan Negeri Sembilan Tidak Perlu Dibentangkan

## 10.5. PRESTASI KEWANGAN

### 10.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan

Analisis kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Jabatan Audit Negara telah mengesahkan penyata kewangan tahun 2010 bagi 5 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 8 Pihak Berkuasa Tempatan.

#### 10.5.1.1. Badan Berkanun Negeri

Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2010 yang telah disahkan adalah seperti di **Jadual 10.4**.

**Jadual 10.4****Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010**

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Pada 31 Disember 2010			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2010		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	10.57	9.51	1.06	82.90	119.98	-37.08
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	5.50	5.94	-0.44	4.07	2.78	1.29
3.	Yayasan Negeri Sembilan	13.86	12.83	1.03	50.69	16.03	34.66
4.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	1.58	1.57	0.01	3.31	0.02	3.29
5.	Majlis Sukan Negeri Sembilan	4.56	7.13	-2.57	7.05	0.01	7.04
6.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	69.35	59.17	10.18	96.29	10.56	85.73

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2010

- a. Merujuk kepada **Jadual 10.4**, 3 Badan Berkanun Negeri dan satu Majlis Agama Islam mencatatkan surplus pada tahun 2010, manakala 2 lagi Badan Berkanun Negeri mencatatkan defisit. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan mencatatkan surplus tertinggi iaitu sejumlah RM10.18 juta manakala Lembaga Muzium Negeri Sembilan mencatatkan surplus terendah sejumlah RM0.01 juta. Majlis Sukan Negeri Sembilan mencatatkan defisit tertinggi iaitu sejumlah RM2.57 juta manakala Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan mencatatkan defisit terendah sejumlah RM0.44 juta.
- b. Analisis Audit terhadap Lembaran Imbangan mendapati 4 Badan Berkanun Negeri dan satu Majlis Agama Islam telah mencatatkan nilai aset semasa bersih antara RM1.29 juta dan RM85.73 juta. Manakala Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan mencatatkan nilai aset semasa bersih negatif RM37.08 juta kerana agensi berkenaan mempunyai baki pinjaman daripada Kerajaan dan bank yang tinggi.

#### 10.5.1.2. Pihak Berkuasa Tempatan

Prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2010 yang telah disahkan adalah seperti di **Jadual 10.5**.

**Jadual 10.5****Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Pada 31 Disember 2010			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2010		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	MP Seremban	103.33	98.82	4.51	63.83	25.46	38.37
2.	MP Nilai	59.56	46.72	12.84	74.36	19.49	54.87
3.	MP Port Dickson	43.39	41.78	1.61	49.93	8.87	41.06
4.	MD Tampin	21.01	19.34	1.67	12.78	4.09	8.69
5.	MD Kuala Pilah	15.99	16.50	-0.51	4.67	5.99	-1.32
6.	MD Jelebu	10.24	8.77	1.47	4.15	1.13	3.02
7.	MD Jempol	15.01	14.48	0.53	16.33	3.37	12.96
8.	MD Rembau	11.43	11.02	0.41	4.02	3.93	0.09

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun2010

MP-Majlis Perbandaran, MD-Majlis Daerah

- a. Merujuk kepada **Jadual 10.5**, 7 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatat surplus pada tahun 2010, manakala satu Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Kuala Pilah telah mencatat defisit. Surplus yang dicatatkan bagi 7 Pihak Berkuasa Tempatan adalah antara RM0.41 juta hingga RM12.84 juta. Majlis Perbandaran Nilai mencatat surplus tertinggi iaitu RM12.84 juta dan Majlis Daerah Rembau mencatatkan surplus terendah iaitu RM0.41 juta. Manakala defisit yang telah dicatatkan oleh Majlis Daerah Kuala Pilah berjumlah RM0.51 juta.
- b. Analisis Audit terhadap Lembaran Imbangan bagi 8 Pihak Berkuasa Tempatan mendapati 7 daripada 8 penyata kewangan mencatatkan nilai aset semasa bersih antara RM0.09 juta dan RM54.87 juta. Majlis Perbandaran Nilai telah mencatatkan aset semasa bersih tertinggi manakala Majlis Daerah Rembau mencatatkan aset semasa bersih terendah. Majlis Daerah Kuala Pilah mencatatkan nilai aset semasa bersih negatif RM1.32 juta.

#### 10.5.2. Analisis Tunggakan Cukai Taksiran

Jumlah keseluruhan tunggakan hasil bagi 8 Pihak Berkuasa Tempatan telah meningkat sejumrah RM5.08 juta atau 6% daripada RM84.97 juta pada tahun 2009 kepada RM90.05 juta pada tahun 2010. Lima Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran antara RM0.04 juta dan RM4.25 juta daripada tahun 2009 hingga 2010. Majlis Perbandaran Nilai mencatatkan peningkatan tertinggi tunggakan cukai taksiran dengan nilai RM4.25 juta. Manakala 3 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami penurunan tunggakan cukai taksiran antara RM0.07 juta dan RM1.02 juta daripada tahun

2009 hingga 2010. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 10.6**.

**Jadual 10.6**

**Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2010 Berbanding Tahun 2009**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2009	2010	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Nilai	36.04	40.29	4.25	11.8
2.	Majlis Perbandaran Port Dickson	16.22	17.46	1.24	7.6
3.	Majlis Perbandaran Seremban	25.92	24.90	-1.02	-3.9
4.	Majlis Daerah Jempol	1.54	1.75	0.21	13.6
5.	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.87	0.91	0.04	4.6
6.	Majlis Daerah Rembau	0.80	0.73	-0.07	-8.7
7.	Majlis Daerah Jelebu	1.25	1.17	-0.08	-6.4
8.	Majlis Daerah Tampin	2.33	2.84	0.51	21.9
<b>Jumlah</b>		<b>84.97</b>	<b>90.05</b>	<b>5.08</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2010

## 10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi penyerahan penyata kewangan adalah memuaskan kerana 12 Agensi berjaya menyerahkan penyata kewangan tahun 2011 kepada Jabatan Audit Negara sehingga 16 Mei 2012. Pengurusan Penyata Kewangan adalah baik kerana semua Agensi Kerajaan Negeri telah menerima Sijil Audit Tanpa Teguran bagi penyata kewangan tahun 2010. Kesemua 13 penyata kewangan tahun 2010 berserta Sijil Audit telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dalam tahun 2011. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri adalah memuaskan kerana 4 Agensi mengalami surplus dan 2 Agensi mengalami defisit. Manakala prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik di mana 7 Agensi berkedudukan surplus dan satu Agensi mengalami defisit. Bagaimanapun, prestasi kutipan cukai taksiran adalah kurang memuaskan kerana tunggakan pada akhir tahun 2010 menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.08 juta atau 6%. Bagi penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan, Agensi Kerajaan Negeri disyorkan untuk mengambil langkah seperti berikut:

**10.6.1.** Agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa.

**10.6.2.** Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.



# Bahagian VI

## Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2010 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 21 November 2011.

**12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pada tahun 2011 dan sehingga 16 Mei 2012, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 6 kali di mana 2 kali masing-masing adalah bagi membincangkan tentang Pengurusan Kewangan Agensi Negeri dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2009. Jawatankuasa juga telah memanggil Ketua-ketua Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan supaya memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat secara berkala bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Negeri. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sembilan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 November 2011. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa berkaitan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 12.1**.

**Jadual 12.1**

**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sembilan Sehingga 16 Mei 2012**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	05.07.2011	Majlis Daerah Rembau	<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</b> Pengauditan Terhadap Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)
2.	11.10.2011	Pejabat Kewangan Negeri Sembilan	<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</b> Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Sumber: Jabatan Audit Negara



# Penutup

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2011 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2010 kerana Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, *frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

### JABATAN AUDIT NEGARA

**Putrajaya**  
**17 Mei 2012**



# Lampiran



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2011; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
17 Mei 2012



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
DAN  
BENDAHARI NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2011.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus 2011.

YB. DATO' AB. RADZAK BIN AB. RAHMAN  
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
15 Februari 2012

MOHD AZMI BIN MOHAMED YAZID  
Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
15 Februari 2012

**Penyata Kedudukan Kewangan**  
seperti pada 31 Disember 2011

	Nota	2011	2010
		RM	RM
<b>WANG AWAM</b>			
WANGTUNAI	3	350,179,658.44	296,585,323.09
PELABURAN	4	593,522.89	23,398,432.79
		<hr/> 350,773,181.33	<hr/> 319,983,755.88
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	206,493,887.81	137,324,255.51
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	144,279,293.52	182,659,500.37
		<hr/> 350,773,181.33	<hr/> 319,983,755.88

*Nota-nota mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

	Nota	2011 (RM)	2010 (RM)
<b>TERIMAAN</b>			
<b>HASIL</b>	5		
Hasil Cukai		120,441,964.81	119,656,746.63
Hasil Bukan Cukai		176,284,961.42	153,551,766.70
Terimaan Bukan Hasil		80,886,322.77	79,887,542.78
		377,613,249.00	353,096,056.11
<b>PINJAMAN</b>	6		
Pinjaman Dalam Negeri		153,663,561.00	299,475,249.00
		153,663,561.00	299,475,249.00
<b>TERIMAAN MODAL</b>			
Pelbagai Terimaan Modal	7(a)	20,570,469.43	20,822,033.09
Jualan Instrumen Kewangan	4	22,804,909.90	0.00
		43,375,379.33	20,822,033.09
<b>TERIMAAN LAIN</b>			
Terimaan Amanah		0.00	0.00
		0.00	0.00
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>		<u>574,652,189.33</u>	<u>673,393,338.20</u>
<b>BAYARAN</b>			
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>			
Emolumen	5	(107,545,757.95)	(103,249,093.47)
Perkhidmatan Dan Bekalan		(68,926,366.61)	(60,353,433.88)
Aset		(1,405,933.49)	(1,033,255.22)
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap		(78,156,112.09)	(38,014,399.10)
Perbelanjaan Lain		(2,020,612.07)	(1,116,824.25)
		(258,054,782.21)	(203,767,005.92)
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>			
Langsung	7	(82,487,968.74)	(85,004,568.17)
Pinjaman		0.00	0.00
		(82,487,968.74)	(85,004,568.17)
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>			
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00	0.00
Pembelian Instrumen Kewangan		0.00	0.00
		0.00	0.00
<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>			
Pinjaman Dalam Negeri	5(b)	(13,693,709.49)	(17,968,224.57)
Pindahan Kepada Akaun	6	(153,663,561.00)	(299,475,249.00)
Amanah		(167,357,270.49)	(317,443,473.57)
<b>BAYARAN LAIN</b>			
Bayaran Amanah	7	(13,157,832.54)	(36,301,846.11)
		(13,157,832.54)	(36,301,846.11)
<b>JUMLAH BAYARAN</b>		<u>(521,057,853.98)</u>	<u>(642,516,893.77)</u>
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		53,594,335.35	30,876,444.43
Wangtunai Pada, 31 Disember 2010		296,585,323.09	265,708,878.66
Wangtunai Pada, 31 Disember 2011		350,179,658.44	296,585,323.09

Nota - nota pada mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripad-

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2011

		<u>2011</u>	<u>2010</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>HASIL</b>	5	298,184,000.00	377,613,249.00
<i>Tolak:</i>			
Belanja Mengurus *	5	255,538,739.00	271,748,491.70
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>42,645,261.00</b>	<b>105,864,757.30</b>
<i>Tolak:</i>			
Belanja Pembangunan	7	94,951,000.00	82,487,968.74
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(52,305,739.00)</b>	<b>23,376,788.56</b>
<b>LEBIHAN DISOKONG OLEH:</b>			
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri		-	-
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan		-	-
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7	23,376,788.56	46,356,257.45
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>		<b>23,376,788.56</b>	<b>46,356,257.45</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

\* Belanja mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri(pokok) tetapi tidak termasuk caruman kepada kumpulan wang pembangunan.

**Penyata Akaun Memorandum**  
seperti pada 31 Disember 2011

	Nota	2011	2010
		RM	RM
<b>ASET</b>			
Pinjaman Boleh Tuntut			
	8a	91,342,616.97	356,805,261.62
Pelaburan	8b	1,000,000.00	6,297,500.00
Akaun Belum Terima/Tunggakan Hasil	9	145,026,683.58	134,793,292.02
<b>LIABILITI</b>			
Hutang Kerajaan Negeri	10	1,440,515,824.95	1,561,349,144.90

*Nota-nota pada muka surat berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2011**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

**DASAR DAN KADEAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN****1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:

i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.

